


Jilid III
Bil. 17



MALAYSIA

Hari Khamis
16hb Disember 1993

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2487]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Cap Dagangan (Pindaan) 1993 [Ruangan 2524]

Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1993
[Ruangan 2536]

Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 1993 [Ruangan 2584J]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 2598]



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN JOHOR BAHRU
1998

MALAYSIA

DEWAN NEGARA PARLIMEN KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' G. VADIVELOO A/L GOVINDASAMY, D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik)

" Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN MUSA, S.I.M.P. (Dilantik)

" Timbalan Yang di-Pertua, DATO' ADAM BIN KADIR, D.I.M.P. (Dilantik)

" Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Dilantik)

" Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DR. SAK CHENG LUM (Dilantik)

" Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, TUAN MUSTAPA BIN MOHAMED (Dilantik)

" TUAN HAJI SYED ABDUL HAMID SAGAFF, P.I.S., B.S.I., p.p.N. (Dilantik)

" TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN ISMAIL, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M. (Pulau Pinang)

" TUAN HAJI ABDUL SALAM BIN AWANG, A.M.N. (Dilantik)

" DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI ABDULLAH, D.M.S.M., D.S.M., A.M.N., P.J.K., J.C. (Dilantik)

" DATUK HAJI AHMAD ZAHID BIN HAMIDI, D.M.S.M. (Dilantik)

" TUAN MICHAEL BONG THIAM JOON, A.B.S., J.B.S. (Dilantik)

" PUAN HAJAH CHE PORA BINTI HAJI OMAR, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik)

" DATO' WILLIAM CHEK LIN KWAI, D.S.D.K.; A.M.K., P.P.N., J.P. (Dilantik)

" TUAN CHONG CHI SIONG A/AS CHONG FAH (Negeri Sembilan)

" TUAN FRANKIE CHONG YU CHEE, A.D.K. (Sabah)

" TUAN FU AH KIOW (Dilantik)

" TUAN DING SELING (Dilantik)

Yang Berhormat TUAN HAJI DOL BIN DOLAH, A.M.N., P.P.N., J.P. (Melaka)

- " TUAN GHAZALI BIN HAJI EMBONG, P.J.K. (Dilantik)
- " PUAN HAJAH HABSHAH BINTI HAJI OSMAN (Dilantik-Wilayah Persekutuan)
- " WAN HAMID EDRUCE BIN TUANKU HAJI MOHAMAD, A.B.S. (Sarawak)
- " TUAN HANIPAH BIN AHMAD, P.J.K. (Perlis)
- " TUAN Ho CHENG WANG (Perak)
- " TUAN IBRAHIM BIN DAUD, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)
- " TUAN ISLI BIN HAJI SIPUT (Dilantik - Wilayah Persekutuan Labuan)
- " TUAN ITAM BIN NAWAN, P.P.N. (Dilantik)
- " TUAN HAJI JAMALUDIN BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.N.S., P.M.C., P.J.K., J.C. (Negeri Sembilan)
- " TUAN JANGGU ANAK BANYANG (Sarawak)
- " TUAN JOHAN B. O. T. GHANI ALIAS CHRISTOPHER, K.M.N. (Dilantik)
- " PUAN KALTHOM BINTI HAJI OTHMAN (Kelantan)
- " PUAN KELSOM BINTI YAACUB (Pahang)
- " PUAN KIAN SIT HAR, P.J.K., A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- " TUAN LIMUN LAIKIM (Sabah)
- " DATO' DR. MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Dilantik)
- " DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Dilantik)
- " TUAN MOHD. ZAIN BIN HAJI MAT DAUD (Kelantan)
- " TUAN K. MUNISAMY, A.M.N., A.M.P, P.P.T. (Dilantik)
- " TUAN NEO TUAN CHENG, P.P.N. (Johor)
- " DATO' (IR.) NG THIAN HOCK, D.S.S.A., S.M.S., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- " DR. NO YEN YEN (Pahang)
- " PUAN HAJAH RAHAIAH BINTI BAHERAN, P.J.K. (Dilantik)
- " TUAN RAHIM BIN BABA, A.M.P. (Dilantik)-
- " PUAN HAJAH RAHMAH BINTI SALLEH (Terengganu)

Yang Berhormat PUAN ROSALIND YAU SHUK MENG; K.M.N., A.M.N. (Selangor)

TUAN SAAD BIN HAJI MAN (Dilantik)

TUAN SAIDIN BIN MOHAMAD (Perlis)

TUAN HAJI SALLEH ALIAS HASSAN BIN ALI, P.J.K. (Terengganu)

PUAN SRI SARASA PASAMANICKAM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)

PUAN HAJAH SELEMIH BINTI HASHIM (Dilantik)

TUAN V. K. SELLAPPAN, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Dilantik)

TUAN SHAHIRUDDIN BIN AB. MOIN, P.K.T. (Dilantik)

" TUAN SHUIB BIN ENDUT, A.M.N., A.M.K., P.J.K. (Kedah)

TUAN HAJI SHUIB BIN SHAWAL, A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah)

DATO' SOONG SEW HOONG, S.M.S., K.M.N., D.P.M.S., J.S.M. (Dilantik)

DATO' TAN TIEW BOCK, D.P.M.P., A.M.P. (Dilantik)

TUAN TIONG THAI KING (Dilantik)

DR. TOH KIN WOON (Pulau Pinang)

DATUK K. VIJAYANATHAN A/L KESAVA PILLAI, D.J.N., K.M.N., P.J.K.
(Dilantik)

DATIN HAJAH WAN INTAN BINTI HAJI WAN AHMAD TAJUDDIN, P.J.K.,
A.M.S. (Dilantik)

DATUK DAVID YEOH ENG HOCK, D.M.S.M. (Dilantik)

TUAN HAJI ZAINAL BIN MD. DEROS, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor)

DATO' ZAINOL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K.,
J.P. (Dilantik)

" PUAN HAJAH ZALEHA BINTI HUSSIN (Dilantik)

DEWAN NEGARA**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Negara : Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar, K.M.N.

Ketua Penolong Setiausaha : Haji Tajjadin bin Saberán.

Penolong Setiausaha Kanan: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop.

Pelapor Perbahasan Kanan: Haji Suhor bin Husin.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 16hb Disember, 1993

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua
mempengemsikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

**SANTUARI HIDUPAN LIAR—
CADANGAN**

1. Puan Hajjah Che Pora binti Haji Omar minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) adakah pihak Jabatan Perhilitan bercadang untuk menjadikan kawasan-kawasan paya terbiar yang terdapat di sepanjang pantai Barat Semenanjung Malaysia sebagai Santuari Hidupan Liar bagi burung-burung air di Malaysia di samping mengekalkan alam sekitarnya untuk memberi perkhidmatan rekreasi melalui keindahan semula jadi kepada para pelawat dan pelancong asing; dan
- (b) sejauh manakah Bahagian Penyelidikan Perhilitan memainkan peranan penting dalam memastikan setiap spesis-spesis yang mempunyai nilai ekonomi dan menjadi perosak kepada tanaman untuk terus wujud pada masa depan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang Di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi menjawab soalan,

- (d) Pihak Jabatan Perhilitan memang bercadang untuk menjadikan kawasan-kawasan paya yang sesuai di pantai Barat Semenanjung Malaysia sebagai Santuari Hidupan Liar. Kawasan yang telah dikenalpasti begitu sesuai untuk tujuan ini ialah Kuala Gula, Perak. Kawasan yang dicadangkan ialah lebih kurang 900 hektar. Buat masa ini pihak Jabatan telah pun menempatkan kakitangan di kawasan ini untuk membuat kawalan terhadap spesis-spesis burung yang terdapat di kawasan berkenaan.
- (b) Bahagian Penyelidikan Jabatan Perhilitan menumpukan perhatian kepada aspek penyelidikan kegunaan (applied research) terhadap:
- (i) spesis-spesis hidupan liar yang terancam;
 - (ii) spesis-spesis hidupan liar yang mendatangkan masalah kepada manusia;
 - (iii) spesis-spesis hidupan liar yang menjadi perosak kepada ladang pertanian.

Hasil-hasil penyelidikan menjadi panduan dalam usaha-usaha pengurusan yang perlu diambil terhadap spesies-spesis yang terlibat. Ini akan dapat memastikan polulasinya akan dapat terus wujud tanpa mendatangkan masalah. Untuk spesies-spesis hidupan liar yang mempunyai kepentingan ekonomi, usaha kini sedang dijalankan dengan kerjasama MARDI terutamanya untuk mengkaji kemungkinan mengkomersilkan spesies-spesis yang berpotensi untuk tujuan tersebut. Buat masa ini spesies yang diberi tumpuan ialah burung kuang, napoh dan pelandok.

Tuan Ho Cheng Wang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin meminta pandangan dari Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat kena tanya soalan.

Tuan Ho Cheng Wang: Saya hendak bertanya bahawa kawasan-kawasan paya atau hutan-hutan paya bukan untuk kehidupan burung-burung sahaja tetapi untuk kehidupan laut lain juga. Saya minta adakah satu koordinasi di antara Kementerian Perusahaan Utama. Sebab saya dapati bahawa hutan paya adalah di bawah Kementerian Perusahaan Utama dan jikalau Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar kata ianya bertanggungjawab melindungi nyawa-nyawa burung tetapi Kementerian Perusahaan Utama mengatakan pembukaan hutan-hutan ini untuk pembiakan udang-udang, ikan-ikan dan sebagainya.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah atau soal kegunaan tanah ini memang terpulang kepada negeri masing-masing kerana ini adalah hak negeri berkenaan. Seperti yang saya sebutkan dalam jawapan saya,

sama ada kawasan tersebut iaitu Kuala Gula dapat diisytiharkan sebagai Santuari Kehidupan Liar, ini belum tentu lagi. Buat masa sekarang dengan kerjasama dan kebenaran Kerajaan Negeri Perak, kita harap kita boleh menggunakan kawasan itu sebagai satu santuari. Tetapi ini belum diisytiharkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini masih diuruskan dengan Kerajaan Negeri Perak. Oleh sebab itu maka soalan Ahli Yang Berhormat tadi ini terpulanglah kepada budibicara Pihak Berkuasa Negeri sama ada kawasan itu akan dibangunkan sebagai satu tempat akuakultur atau menjadikannya untuk lain-lain kegunaan.

AIDS—CARA MENGATASI MASALAH PANYAKIT

2. Puan Kian Sit Har minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan yang konkrit untuk menghadapi masalah Penyakit AIDS. Ini kerana semakin lama semakin banyak orang yang berusia rendah telah menghidap penyakit tersebut, dan pemuda-pemudi kita sangat-sangat memerlukan bimbingan dalam aspek seks.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' K. Kumaran]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini tiada ubat yang dapat mengubati atau vaksin yang boleh mencegah penyakit AIDS. Strategi utama pencegahan hanyalah melalui penyelidikan kesihatan di mana Kerajaan telah memberi perhatian yang serius untuk mempengaruhi setiap individu supaya mengamalkan gaya hidup sihat di samping mengelakkan diri dari perlakuan dan gaya hidup yang menedahkan diri kepada jangkitan penyakit AIDS. Kementerian Pendidikan dengan

kerjasama Kementerian Kesihatan telah menjalankan penyelidikan mengenai penyakit AIDS melalui program pendidikan kesihatan keluarga. Kempen pendidikan juga dijalankan di kalangan golongan muda melalui lain-lain agensi-agensi Kerajaan dan pertubuhan sukarela yang terbabit dengan golongan yang berkenaan. Dengan ini, adalah diharapkan bahawa golongan muda akan mendapat bimbingan yang sewajarnya.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita telah mendengar tadi bahawa penyakit AIDS ini tiada ubatnya, melainkan mati. Apa salahnya kalau kita biarkan dia mati? Adakah Kementerian akan memberhentikan kempen-kempen mengenai AIDS ini? Sebab negeri-negeri yang tiada kempen AIDS kita dengar tiada bising. Brunei tiada AIDS dan sebagai dikatakan tadi, Sabah pun tiada AIDS kerana tiada kempen. Yang kita ini kempen hendak hapuskan AIDS, saya mendengar makin lama makin menyampah dan bising. Apa salahnya orang yang kena AIDS itu dibiarkan mati sendiri dan kita batalkan semua kempen-kempen ini supaya tidak menyemakkan fikiran kita?

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional adalah sebuah Kerajaan yang penyayang. Selain daripada itu, Kerajaan juga memikul tanggungjawab untuk menjaga kesihatan semua rakyat dalam tanah air kita ini. Kita memandang kes ini dari dua segi: satu, kes yang sudah terkena AIDS dan satu lagi kita kawal sebelum ianya menjadi kes. Oleh sebab itu saya pun bersetuju kalau yang ada kes, biarkan dia mati. Tetapi kita tidak mahu mangsa yang baru.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kumpulan sasaran adalah daripada umur

di antara 16 tahun hingga 40 tahun yang akan menjadi pemimpin dan warisan dalam Wawasan 2020, Kalau kita gagal (fail) menjaga kesihatan golongan ini, maka rancangan-rancangan yang dirancang dan dilaksanakan ini tidak bermakna. Oleh sebab itu, Kerajaan menumpu bukan hanya untuk menjaga kepada pesakit, tetapi kita tidak mahu jangkitan penyakit ini pergi orang lain. Oleh sebab itu, Kerajaan membelanjakan bermilion ringgit untuk mengawal jangkitan AIDS ini.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ada diberitahu oleh kawan-kawan mengatakan ada cara bagaimana AIDS ini boleh dielakkan. Adakah pihak Kementerian bersetuju bahawa 'kondom' ini adalah salah satu daripada alat yang boleh mengelakkan daripada mendapat penyakit AIDS? Saya ingin tahu apakah pendekatan yang telah diambil oleh pihak Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan kepada murid-murid sekolah dalam kaedah pendidikan kesihatan? Adakah dikemukakan juga yang 'kondom' ini boleh digunakan sebagai satu alat yang dapat mengelakkan daripada jangkitan AIDS?

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang bekas guru, sebagai peribadi, saya tidak bersetuju untuk memperkenalkan 'kondom'¹ kepada murid-murid kita. Lebih baik kita berikan satu pendidikan moral dan agama. Kita bukan mahu galakkan murid-murid untuk mengadakan seks rambang. Untuk seorang suami, seorang isteri — sudah cukup. Apabila mereka mengadakan hubungan seks sebagai satu pasang, saya ingat masalah ini tidak timbul. Ini kita banyak meniru kepada Barat maka oleh sebab itu perkara-perkara ini terjadi. Tuhan telah menciptakan menerusi kitab-

kitab murni bagaimana kita harus hidup. Tetapi sekarang nampaknya manusia mengikut cara hidup haiwan. Oleh sebab itu masalah AIDS ini timbul. Jikalau sebagai ketua atau pemimpin masyarakat kita boleh memberi pengajaran kepada murid-murid kita ataupun pemuda-pemudi kita dengan cara mengikut pengajian agama dan moral, maka kita boleh mengawal AIDS ini. Tidak payah kita memperkenalkan 'kondom'. Bagi mereka yang hendak mengadakan seks rambang, mereka boleh menggunakan 'kondom' ini. Ini pandangan saya.

**SYARIKAT PENERBANGAN
"REGIONAL" DI EROPAH/
AMERIKA SYARIKAT—
PENUBUHAN**

3. Dr. Toh Kin Woon minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) adakah benar atau tidak syarikat-syarikat penerbangan di Eropah dan Amerika Utara bercadang hendak menubuhkan sebuah syarikat penerbangan regional dan seterusnya meminta kerajaan negara-negara mereka di kedua-dua benua ini menghadkan hak-hak pendaratan untuk syarikat-syarikat penerbangan dari Timur Jauh, termasuk MAS; dan
- (b) jika benar, adakah Malaysia bersama-sama anggota-anggota ASEAN yang lain, akan mengambil inisiatif untuk menubuhkan sebuah syarikat penerbangan regional bagi melawan tindakan perlindungan yang diambil oleh syarikat-syarikat penerbangan di Eropah dan Amerika Utara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin

untuk menjawab soalan ini bagi pihak Kementerian Pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, sejauh mana yang diketahui, tidak ada apa-apa rancangan spesifik pada masa sekarang bagi syarikat-syarikat penerbangan Eropah dan Amerika Syarikat untuk menubuhkan sebuah syarikat penerbangan regional. Walaupun terdapat beberapa syarikat penerbangan Eropah seperti Scandinavian Airlines System, Australian Airlines, Swiss Air dan KLM yang kini menimbang cadangan untuk menyatukan ataupun merge, dengan izin, syarikat-syarikat penerbangan mereka. Perkara ini masih di peringkat awal perbincangan.

Namun demikian, Kerajaan sentiasa mengawasi perkembangan-perkembangan penerbangan awam bukan sahaja di Eropah dan Amerika Syarikat, tetapi di negara-negara lain yang akan menentukan tindakan yang wajar diambil sekiranya terdapat apa-apa cadangan yang mungkin membawa implikasi implikasi negatif ke atas penerbangan antarabangsa, khususnya di Malaysia dan rantau Asia Tenggara.

**RTM — PENYAMPAIAN BERITA
OLEH PAKAR-PAKAR "SIGN
LANGUAGE" DI LATAR
BELAKANG**

4. Dato' Soong Siew Hoong minta Menteri Penerangan menyatakan adakah RTM memperkenalkan penyampaian berita oleh pakar-pakar di latar belakang semasa penyampaian berita utama kepada mereka yang pekak selaras dengan matlamat Kerajaan hendak mewujudkan sebuah masyarakat penyayang. Jika ya, bilakah pelan ini akan diperkenalkan. Jika tidak, mengapa tidak.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, RTM belum lagi bercadang untuk memperkenalkan penyampaian berita oleh pakar-pakar 'sign language', dengan izin, semasa penyampaian berita utama kerana faktor-faktor berikut:

- (i) latar belakang atau 'window' di kaca TV semasa penyampaian berita ke udara akan kelihatan semasa gambar atau visual dipaparkan akan mencatitkan persembahan;
- (ii) dari segi teknikal pula, ini amatlah merumitkan dan kesukaran mendapatkan pakar 'sign language';
- (iii) bahan berita dibuat atau disediakan hingga ke saat-saat terakhir dan oleh itu tidak ada masa bagi seseorang pakar 'sign language', dengan izin, untuk membuat persiapan.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. saya ingin mendapatkan penjelasan, adakah di antara negara-negara ASEAN yang telah mengambil-pakai kaedah ini semasa siaran Berita TV? Kalau ada, adakah Malaysia ingin mendapatkan ilmu daripada negara-negara yang berkenaan?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, setahu saya tidak ada negara-negara ASEAN yang mengamalkan seperti yang disebutkan. Tetapi dalam negara-negara yang tertentu di mana ada program-program yang tertentu yang mana ada penterjemah yang menggunakan 'sign

language'. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, setakat yang saya tahu, tidak ada.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mencadangkan supaya Kementerian Penerangan Malaysia dapat pergi ke sebuah negara jiran, iaitu Thailand yang mengadakan kaedah ini semasa berita TVnya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat cuma boleh kemukakan soalan, tidak boleh mencadang.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Adakah cadangan saya ini boleh diterima oleh Kementerian Penerangan bagi mewujudkan kaedah ini di TV Malaysia?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator kerana membuat satu cadangan. Kementerian akan memberi penilaian dan mengkaji di atas pelaksanaan cadangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya difahamkan di Malaysia ini, 49,000 sahaja orang cacat dalam negara kita yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Perpaduan Negara. Daripada jumlah 49,000 orang cacat keseluruhannya, sebahagian adalah cacat anggota, sebahagian cacat pendengaran dan sebahagian cacat penglihatan. Oleh itu, yang cacat pendengaran tidaklah begitu ramai untuk kita menjustifikasikan satu siaran istimewa bagi mereka. Namun begitu, cadangan ini boleh diambilkira dan kita akan melihat buruk-baiknya dan kesan kepada perubahan.

**BUKAN BUMIPUTERA—
MELIBATKAN LEBIH RAMAI
DALAM RRJP2**

5. Tuan Chong Chi Siong minta Perdana Menteri menyatakan apakah kemajuan yang telah dicapai dalam usaha menggalakkan lebih ramai bukan bumiputera dalam Rancangan Jangka Panjang Kedua. Jika tidak memuaskan, apakah usaha baru ke arah tersebut.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, usaha menggalakkan lebih ramai bukan bumiputera dalam perkhidmatan awam dan sektor pertanian adalah memuaskan. Sebilangan besar daripada bukan bumiputera dalam sektor awam menjawat jawatan yang tinggi dan jawatan-jawatan teknikal. Sebagai contoh, ahli-ahli kaji cuaca bukan bumiputera merupakan 69% daripada jumlah ahli kaji cuaca Kerajaan; ahli kimia 64%; pegawai perubatan 54% dan pegawai pergajian 48%.

Usaha telah dilaksanakan untuk mengambil lebih ramai bukan bumiputera ke dalam perkhidmatan awam, khususnya dalam pasukan beruniform seperti Polis, Askar dan Bomba, tetapi respons yang diperolehi tidak menggalakkan.

Namun demikian, usaha-usaha yang meningkatkan penyertaan bukan bumiputera dalam jawatan-jawatan sektor awam seperti di peringkat pertengahan dan tinggi, perkhidmatan awam hendaklah disertai dengan tindakan yang serupa dalam sektor swasta dalam meningkatkan penyertaan bumiputera di peringkat profesional, pengurusan dan eksekutif, seperti yang dinyatakan dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua 1991-2000.

Pada masa ini, penyertaan bumiputera dalam sektor swasta di peringkat profesional, pengurusan dan eksekutif masih di tahap yang rendah. Sebagai contoh, bahagian bumiputera di peringkat pengurusan dan profesional dalam syarikat-syarikat yang disenaraikan pada tahun 1992 hanyalah 31% berbanding dengan 67% bagi bukan bumiputera. Penyertaan bagi bukan bumiputera dari segi peratusan dalam sektor-sektor pertanian tidak banyak berubah di antara tahun 1990 dan 1993, selaras dengan pertumbuhan yang agak perlahan dalam sektor ini. Mereka masih tertumpu dalam sektor-sektor kecil yang bernilai tinggi, penglibatan mereka adalah dominan dalam pembekalan, khidmat sokongan pertanian yang memberi pendapatan yang tinggi termasuk pembekalan input pertanian, penyewaan jentera pertanian misalnya combined harvester, dengan izin, pemasaran barang-barang pertanian serta penglibatan dalam pertanian commercial seperti hortikultur, florikultur dan pembiakan anak benih dan lebah madu. Sektor-sektor kecil ini memberikan sumbangan yang penting kepada pertumbuhan sektor pertanian. Penyertaan bukan bumiputera yang lebih tinggi dalam sektor pertanian adalah digalakkan selaras dengan dasar Kerajaan supaya pembangunan diterajui oleh sektor swasta.

Puan Rosalind Yau Shuk Meng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan masih banyak lagi tanah di Malaysia yang boleh dimajukan dalam sektor pertanian, adakah Kerajaan bercadang membuka ruang dan menggalakkan usahawan komersil yang dianggotai oleh berbagai kaum sebagai satu usaha interaksi perpaduan dan usahasama di antara kaum melalui sektor pertanian.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, memang dalam apa-apa rancangan tanah yang dibuat, Kerajaan sentiasa mengambil kira penyertaan semua kaum. Dari masa ke semasa Kerajaan memang menggalakkan pembukaan tanah di mana yang sesuai demi pembangunan negara.

**PEKERJA ASING TANPA IZIN—
JUMLAH DAN PENGLIBATAN
DALAM JENAYAH**

6. Tuan Ibrahim bin Daud minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa ramai bumh asing yang sudah mendaftar sehingga Disember/1993;
- (b) berapa ramai pula yang telah melahirkan anak; dan
- (c) berapa ramai yang melakukan jenayah dan telah didakwa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Operasi pendaftaran pekerja asing tanpa izin atau PATI bermula dari 1hb Januari 1992 hingga 30hb Jun 1992. Dalam tempoh tersebut seramai 444,213 orang PATI telah mendaftar di Jabatan Imigresen Malaysia untuk bekerja di sektor-sektor perladangan, pembinaan, perkhidmatan, pembantu rumah dan lain-lain sektor;
- (b) Kementerian ini tidak mempunyai maklumat terperinci mengenai pendatang asing yang telah melahirkan anak di negara ini;
- (c) Dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1993 ini, seramai 1,335 orang pendatang asing telah

diambil tindakan kerana terlibat dalam berbagai jenayah di negara ini.

Tuan Ho Cheng Wang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya berasa kecewa sedikit mendengar Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan tiada maklumat berkenaan kelahiran anak-anak buruh asing ini. Tetapi saya ingat mungkin Kementerian ada mengeluarkan Sijil-sijil Kelahiran kepada anak-anak mereka. Jika ada, saya minta Yang Berhormat dapat memberikan lebih kurang berapa Sijil Kelahiran yang telah dikeluarkan.

Dan berkaitan dengan jenayah, saya ingin bertanya apakah jenayah serius yang telah dilakukan oleh pendatang-pendatang tanpa izin ini, adakah semakin bertambah pada tahun ini atau berkurangan.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan asal yang bertanya tentang berapa ramai pendatang asing ini yang sudah melahirkan anak, jadi memang Kerajaan tidak dapat mengumpulkan, kerana pendatang asing ini kalau sekiranya-mereka datang tanpa izin, maka anak mereka yang lahir tanpa pengetahuan Kerajaan. Kalau sekiranya mereka yang mendaftar secara sah, ataupun mereka datang ke Jabatan Pendaftaran Negara untuk meminta Sijil Kelahiran, maka kita ada rekodkan. Dan mengikut rekod Jabatan Pendaftaran Negara, mereka yang tampil ke hadapan untuk mendapatkan Sijil Kelahiran, yang dapat saya beritahu dari tahun 1989 hingga 1993 ada seramai 15,773 orang yang dilahirkan oleh pendatang asing yang didaftarkan dan mendapat Sijil Kelahiran dan kebanyakkan mereka ini berada di negeri Sabah. Itu jawapan bagi soalan yang pertama.

Yang kedua, mengenai mereka yang telah melibatkan diri dalam jenayah, mengikut rekod Kerajaan, katakan dalam tahun ini untuk enam bulan yang pertama, kebanyakan pendatang tanpa izin ataupun PATI yang terlibat dalam kegiatan jenayah itu, adalah kebanyakannya kecurian. Mereka melakukan sesuatu yang kena mengena dengan mencuri dan dari segi keseluruhan iaitu 933 kes daripada jumlah 1,335 kes jenayah yang dilakukan oleh mereka. Dan mengenai lain-lain, kalau Yang Berhormat ingin jawapan secara terperinci lagi, dalam jeriayah berkenaan, ada pula mereka yang terlibat dalam kegiatan seperti membunuh, merogol dan sebagainya, yang dikategori sebagai kekerasan, pada keseluruhannya angka ini adalah tidak benar. Tetapi kalau kita kategorikah khas untuk membunuh atau merogol, nampaknya peratusarinya agak tinggi, katakanlah membunuh sehingga bulan Jun bagi tahun ini sebanyak 18.4% pembunuhan adalah dilakukan oleh pendatang tanpa izin.

Dan suka saya menjelaskan di sini supaya tidak ada satu gambaran yang salah bahawa pendatang tanpa izin sudah membunuh orang Malaysia. Sebenarnya kebanyakan pembunuhan yang melibatkan pendatang tanpa izin ini adalah pembunuhan di kalangan mereka; iaitu pendatang tanpa izin, mereka bergaduh, berlawan sesama mereka dan kemudian terbunuh. Itu adalah satu gambaran yang lebih tepat.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu agak berapa ramai buruh asing yang telah berkahwin dengan rakyat Malaysia?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, perkahwinan seperti jugalah

kelahiran. Setakat ini, Kerajaan tidak mempunyai maklumat yang tepat dan sekiranya mereka itu masuk secara tanpa izin memang dia tidak dapat kahwin dengansah, sebab apabila dia datang cuba hendak membuat apa-apa pendaftaran perkahwinan maka tindakan penguatkuasaan telah dijalankan dan saya tidak mempunyai angka-angka mengenai perkahwinan. Kelahiran yang saya sebutkan tadi disebabkan di negeri Sabah kita ada satu pasukan petugas khas untuk pendaftaran. Tetapi perkahwinan ini tidak sah.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengena buruh asing yang berkahwin di sini, adakah yang berkahwin dengan warganegara Malaysia atau dia sama dia sendiri? Adakah Kementerian mengiktiraf perkahwinan itu? Kalau mengiktiraf, anak yang lahir daripada hasil perkahwinan dengan warganegara Malaysia itu adakah menjadi warganegara Malaysia? Dan anak yang lahir daripada perkahwinan warganegara asing dengan warganegara asing itu menjadi warganegara mana?

Kemudian, kalau menjadi warganegara Malaysia, bolehkah mereka yang berkahwin dengan warganegara Malaysia itu memohon menjadi warganegara Malaysia. Apabila mereka melakukan jenayah seperti merogol dan membunuh, adakah orang-orang yang melakukan jenayah rogol dan membunuh itu telah dihantar pulang ke negara mereka masing-masing?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sebarang perkahwinan yang dilakukan mengikut undang-undang Malaysia, iaitu mereka mendaftarkan perkahwinan itu, maka perkahwinan itu adalah diiktiraf ataupun belum diterima.

Tetapi sesuatu pengiktirafan perkahwinan itu tidak bermakna seseorang yang berkahwin itu akan dapat taraf penduduk tetap ataupun taraf warganegara ataupun dengan sendirinya dibenarkan tinggal di sini, sebab mereka itu masih tertakluk kepada peraturan-peraturan Imigresen biasa.

Mengikut Perlembagaan Malaysia, bagi anak yang dilahirkan, kalau salah seorang daripada ibu ataupun bapa kepada kanak-kanak yang dilahirkan di negara kita selepas Hari Merdeka ataupun selepas Hari Malaysia, mereka bolehlah disahkan sebagai warganegara mengikut Perlembagaan dan juga mengikut peraturan kewarganegaraan. Tetapi bagi anak pendatang asing, di mana kedua-dua orang asing itu sebagai ibu bapa kepada anak yang dilahirkan itu, tetap akan jadi orang asing - ia tidak boleh dikira sebagai warganegara Malaysia.

Mengenai jenayah tidak kira sama ada orang asing atau orang tempatan, semua penjenayah itu akan diambil tindakan saksama di bawah undang-undang. Kalau sekiranya mereka membunuh dan dapat ditangkap oleh Polis, mereka akan didakwa di mahkamah dan mengikut undang-undang mereka akan dihukum, tidak kira bunuh atau rogol. Kalau mereka dapat ditangkap, mereka akan didakwa di mahkamah, bukan usir mereka balik begitu sahaja. Kalau usir mereka balik ringan sangat hukumannya. Mereka akan didakwa di mahkamah dan dihukum.

Tuan Chong Chi Siong: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat memberiathu berapa buahkah work permits telah dikeluarkan ataupun berapa banyakkah jumlah wang yang dikutip selepas satu operasi ketat yang dilancarkan setakat hari ini?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sehingga 30hb November 1993, sejumlah 402,373 pas lawatan kerja sementara telah dikeluarkan kepada buruh-buruh asing. Mengenai levi, tidak dapat saya memberi satu angka yang tepat, kerana Kerajaan masih dalam proses mengutip levi mengikut satu sistem yang lebih kemaskini. Pengutipan levi ini pada masa ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan dan diuruskan dengan Kerjasama Kementerian Sumber Manusia dan juga Kementerian Dalam Negeri. Pada pagi ini pun mereka telah adakan satu mesyuarat. Mudah-mudahan pada satu masa yang singkat akan dimulakan satu sistem kutipan levi yang baru dan lebih berkesan. Pada masa itulah mungkin kita boleh dedahkan jumlah levi yang dikutip.

JENAYAH SEKS DAN ROGOL— PERANGKAAN

7. Puan Hajah Habshah binti Haji Osman minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) perangkaan jenayah seks yang tidak berperikemanusiaan dan luar biasa seperti bapa rogol anak, abang rogol adik, datuk rogol cucu seperti yang tersiar;
- (b) apakah jenis hukuman atau tindakan undang-undang yang telah dikenakan ke atas penjenayah seks itu; dan
- (c) adakah Menteri berhasrat untuk mengkaji hukuman bagi kes-kes jenayah seks ini dengan hukuman yang setimpal, mungkin seperti hukuman hudud, supaya dapat membendung jenayah ini dari berleluasa.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah kes rogol yang melibatkan saudara-mara, penjaga terdekat bagi tahun 1991 hingga November 1993 adalah sebanyak 188 kes.
- (6) penjenayah yang disabitkan di bawah seksyen 376, Kanun Keseksaan, boleh dikenakan hukuman penjara tidak lebih daripada 20 tahun dan tidak kurang daripada 5 tahun atau rotan, atau kedua-duanya sekali.
- (c) Pada masa ini Kerajaan belum bercadang mengkaji peruntukan undang-undang yang sedia ada, memandangkan peruntukan undang-undang tersebut adalah berkesan dalam menangani masalah ini.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada 188 kes ini, apakah sudah berlaku di Malaysia kes adik rogol kakak, anak rogol ibu ataupun cucu rogol nenek? [*Ketawa*]

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, daripada 188 kes ini yang dapat dikumpul antara tahun 1991 hingga November 1993, butir-butir adalah seperti berikut:

Kes rogol yang melibatkan	Jumlah Kes		
	1991	1992	1993
Bapa tiri	24	18	19
Bapa angkat	3	4	2
Bapa saudara	13	13	19
Adik rogok kakak	-	-	-

Apakah lagi yang ditanya tadi, sebab persaudaraan terlalu rumit!

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Anak rogol ibu, dan cucu rogol nenek. [*Ketawa*]

Tuan Ong Ka Ting: Kes anak rogol ibu tidak ada; cucu rogol nenek pun tidak ada. [*Ketawa*] Tetapi abang ipar yang merogol, ada; iaitu pada tahun 1991 - 15 kes; pada tahun 1992 - 14 kes; dan hingga November 1993 - 3 kes. Kes rogol yang melibatkan datuk tiri ialah satu kes pada tahun 1991; 3 kes pada tahun 1992 dan 1 kes hingga November 1993. Akhir sekali, kes rogol yang melibatkan datuk saudara ialah 4 kes pada tahun 1991; 2 kes pada tahun 1992; dan 3 kes pada tahun 1993. [*Ketawa*]

Tuan Ho Cheng Wang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat mengapakah orang zaman ini suka rogol? [*Ketawa*] Adakah ini satu trend zaman ini atau adakah ini berlaku oleh sebab tindakan-tindakan keras diambil oleh Polis yang mengakibatkan kekurangan pelacur-pelacur di hotel dan sebagainya?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak setuju bahawa oleh sebab tindakan Polis yang ketat itu telah mengakibatkan kes rogol ini nampaknya sudah lebih berlaku. Tetapi ada satu lojik yang dapat saya terangkan di sini ialah sebenarnya kes-kes rogol ini mungkin sudah timbul pada zaman dahulu sampai sekarang - mungkin ia tidak berhenti-henti, cuma bilangannya berbeza. Secara lojik, pandangannya ialah kerana pada zaman moden ini, kesedaran di antara rakyat sudah tinggi, tak kira apa-apa tekanan daripada siapa. Orang sudah berpengetahuan dan kesedaran tinggi, mereka sudah berani untuk melapor pada Polis. Mungkin pada masa dahulu, mereka tidak berani melapor kes-kes seperti ini kepada Polis dan sekarang

ini mereka setelah dapat banyak pimpinan, galakan dan dorongan daripada masyarakat dan juga badan-badan sukarela, mereka sudah berani tampil ke hadapan untuk melapor. Oleh sebab itulah, kita nampak angka-angka ini sudah meningkat lebih kalau dibandingkan dengan dahulu. Ini adalah satu gejala dan mungkin ini adalah satu masa perantaraan, transitional period di mana dapat membantu pihak berkuasa untuk merancang strategi yang lebih berkesan untuk membanteras kegiatan merogol yang kurang sihat ini.

Puan Hajah Habshah binti Haji Osman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setakat ini dalam 188 kes itu, berapa keskah telah dijatuhkan hukuman?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka yang tepat, kerana ada di antara kes ini yang masih dalam perbincangan. Kes ini melibatkan tahun yang baru-baru ini, jadi saya belum dapat apa-apa angka yang spesifik. Jika sekiranya Yang Berhormat hendak, mungkin saya boleh dapatkan maklumat itu kemudian.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan pernah mengkaji badan orang merogol ini. Dari segi fizikalnya apakah dia makan, sebab kalau mereka makan macam kita, kita tidak sanggup rogol anak, cucu atau adik kita sendiri. Adakah dia makan macam binatang? Kalau ada, apakah penyakit itu dapat diubat oleh Kerajaan?

Yang Kedua, kalau kita tengok di Barat, kita selalu dapati bahawa ada kejadian rogol yang mana wanita merogol lelaki. Di Malaysia ini adakah pernah kes wanita rogol lelaki ini berlaku?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu soalan yang memerlukan pakar. Saya rasa Kementerian Kesihatan mungkin boleh membantu, sama ada ini berlaku kerana fizikal dari segi badan, sakit jiwa atau sesuatu complex. Kementerian Dalam Negeri memang tidak dapat 'handle' ini. Kementerian Kesihatan, mungkin, pada masa akan datang boleh menjawab soalan ini.

PPRT—HASIL PELAKSANAAN PROGRAM EKONOMI

8. Tuan Saidin bin Mohamad minta Perdana Menteri menyatakan apakah projek-projek ekonomi yang telah dilaksanakan dan berhasil meningkatkan pendapatan dan yang akan dijalankan bagi menambahkan pendapatan keluarga PPRT pada amnya dan bagi mereka yang terkeluar daripada senarai PPRT, apakah ada di antara mereka yang berpendapatan lebih daripada RM1,000 sebulan sehingga kini dan daripada kejayaan-kejayaan yang dicapai itu apakah dapat membanteraskan fahaman-fahaman kuno 'rezeki secupak tak akan menjadi segantang'.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, projek/program-program ekonomi PPRT yang dilaksanakan terbahagi kepada dua iaitu projek/program ekonomi yang boleh meningkatkan pendapatan secara langsung (jangka pendek) dan program-program yang boleh meningkatkan pendapatan dalam tempoh jangka panjang.

Projek/program-program ekonomi yang berjaya menambahkan pendapatan ialah projek-projek yang terangkum dalam program jangka pendek yang kini

nampak hasilnya, yang di antaranya seperti tanaman jagung, tanaman sayuran, tanaman tebu kuning, ternakan kambing/bebiri, ternakan ayam telur (kelompok), ternakan itik telur dan telur asin (kelompok), ternakan lembu daging, ternakan udang harimau, perusahaan belacan, perusahaan kicap dan perusahaan makanan kering/jeruk buah-buahan.

Oleh kerana projek/program-program seumpama ini berjaya meningkatkan pendapatan, maka Kerajaan akan menyusun semula keutamaan PPRT dengan menitikberatkan projek-projek ekonomi yang boleh menghasilkan pendapatan. Di masa yang sama, usaha-usaha akan dipertingkatkan dalam program pembangunan insan untuk melahirkan golongan sasaran yang bersikap positif, berilmu dan mahir bagi menjamin kesinambungan usaha dan sekaligus dapat menghilangkan fahaman 'rezeki secupak tidak akan menjadi segantang' apabila golongan sasaran berubah kepada minda baru.

Semenjak PPRT dilaksanakan, memang ada peserta PPRT yang telah melalui proses perubahan minda ini dan berjaya mendapat pendapatan lebih daripada RMI,000 sebulan tetapi bilangannya tidak ramai.

LASER DISC/PITA VIDEO LUCAH—TINDAKAN TERHADAP PENGEDARAN

9. Tuan Tiong Thai King minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah Menteri menyedari bahawa banyak Laser Disc yang pornografi atau lucah telah diedarkan dan dipersembahkan kepada penonton yang muda di kalangan masyarakat kita; dan

- (b) apakah Kementerian tidak mengambil tindakan tegas untuk menapis Laser Disc itu sebelum mereka boleh diedarkan dalam pasaran kita.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang dipertua, mengikut Akta Filem (Penapisan) 1952, semua filem, pita video termasuklah cakera laser yang hendak diedar ditayang kepada orang ramai mestilah ditapis terlebih dahulu oleh Lembaga Penapisan Filem. Sesiapa yang didapati mengedar atau menayang filem, pita video atau cakera laser yang tidak ditapis atau lucah boleh didakwa di Mahkamah di bawah Akta yang berkenaan.

Kementerian Dalam Negeri yang bertanggungjawab menguatkuasakan Akta ini, dengan kerjasama pihak Polis menjalankan pemeriksaan dan serbuan ke atas pusat-pusat video, pengedar-pengedar video dan pusat-pusat hiburan seperti karaoke bagi memastikan tiada filem, pita video atau cakera laser yang lucah dan tidak ditapis diedar atau ditayangkan.

RTM—SIARAN RANCANGAN TAMIL KHAS DI TV2 SEMPENA HARI DEEPAYALI

10. Tuan V. K. Sellapan minta Menteri Penerangan menyatakan kerana kebanyakan program-program khas sempena sambutan Hari Deepavali disiarkan pada hari Jumaat iaitu sehari sebelum perayaan tersebut; dan kebanyakan daripada rakyat tidak dapat menontonnya kerana sibuk membuat persiapan akhir ataupun berada di tempat bertugas kerana hari itu ialah hari kerja:

- (a) adakah kementerian sedar akan perkara ini; apakah tindakannya; dan

(b) bolehkah Kementerian menjamin perkara-perkara seperti ini dapat dielakkan di masa-masa akan datang. Program-program khas ini sepatutnya disiarkan pada hari perayaan tersebut dan hari selepasnya.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul

Rahman: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun ini RTM melalui TV2 menyediakan 12 jam rancangan Tamil yang mengandungi 2 rancangan drama, 2 tayangan gambar, 2 rancangan hiburan dan satu rancangan majalah. Untuk mengelakkan daripada siaran yang tertumpu hanya pada hari Deepavali, RTM telah menambahkan siaran rancangan-rancangan ini dalam 3 peringkat iaitu pra-Deepavali pada hari Jumaat, perayaan De'epavali pada hari Sabtu dan post-Deepavali pada hari Ahad.

Rancangan seperti ini dirasakan paling sesuai supaya program-program lain untuk tontonan berbilang kaum akan dapat dikekalkan. Sekiranya rancangan-rancangan khas ini ditumpukan pada hari Deepavali itu sahaja, maka pengisian rancangan tidak akan seimbang dan sebaliknya tertumpu untuk kaum India sahaja. Perkara seperti ini akan menimbulkan rasa kurang puas hati bagi kaum-kaum lain yang mungkin akan menyebabkan mereka mengalihkan tontonan pada rangkaian yang lain.

**PENCEMARAN SUNGAI—
LANGKAH PENCEGAHAN**

11. Datin Hajah Wan Intan binti Wan Ahmad Tajuddin minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau bercadang hendak melanjut dan menggiatkan lagi kempen

membersihkan sungai-sungai dengan mengadakan usaha-usaha gotong-royong secara besar-besaran membersihkan sungai-sungai dan anak-anak sungai daripada sampah-sarap dan bahan-bahan buangan daripada kilang-kilang demi memulihkan semula sungai-sungai di negara ini.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Alam Sekitar tidak mempunyai kuasa sepenuhnya ke atas sungai. Sebenarnya kuasa ke atas sungai adalah terletak di bawah pihak Penguasa-Penguasa Tempatan dan Kerajaan Negeri. Jabatan Alam Sekitar hanya menjalankan program pengawasan dan menentukan piawai kualiti air sungai untuk menjadi panduan dan diikuti oleh agensi-agensi yang berkaitan. Waiuu bagaimanapun, pada masa ini Jabatan Alam Sekitar sedang bekerjasama dengan agensi-agensi lain seperti Jabatan Pengairan dan Saliran, pihak-pihak Penguasa Tempatan serta beberapa agensi Kerajaan yang lain bagi menentukan sunga-sungai tidak tercemar seperti dalam program pemuliharaan sungai iaitu Program 10 Tahun Pembersihan Sungai Klang dan kempen "Cintailah Sungai Kita" bagi seluruh negara. Pihak Kementerian memang menyokong dan menggalakkan sebarang usaha oleh Kerajaan Negeri dan pihak-pihak Kerajaan Tempatan untuk menjalankan program atau kempen perbersihan sungai daripada sebarang bentuk pencemaran.

Di samping itu, Jabatan Alam Sekitar juga mengesyorkan agar semua Kerajaan Negeri menjalankan program pembersihan sungai-sungai seperti yang dijalankan terhadap Sungai Klang dan menjalankan kempen "Cintailah Sungai Malaysia". Berkenaan kawalan pence-

maran bahan-bahan buangan dari kilang, pihak Jabatan Alam Sekitar menjalankan penguatkuasaan undang-undang iaitu Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan-peraturan di bawahnya.

POLITIK—KEGIATAN PELAJAR UNIVERSITI/INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

12. Tuan Saad bin Haji Man minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah Kerajaan sedar terdapat banyak kegiatan para pemimpin pelajar di Universiti dan Institut Pengajian Tinggi di negara ini yang melibatkan diri di dalam aktiviti politik khususnya menyokong parti lawan yang bercanggah dengan Akta Universiti dan Universiti Kolej. Jika perkara ini benar berlaku, apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi memastikan perkara ini tidak berlaku lagi.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada bukti yang nyata terdapat pemimpin pelajar di institusi pengajian tinggi tempatan yang terlibat dan menyokong mana-mana parti politik. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan dan pihak institusi pengajian tinggi tempatan sendiri sentiasa mengawasinya dan akan mengambil tindakan yang tegas sekiranya terdapat pelajar-pelajar yang terlibat dalam aktiviti politik kerana ini bertentangan dengan Akta Universiti dan Universiti Kolej 1971.

Tuan Shahrudin bin Ab. Moin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau kita lihat kepada Akta Universiti dan Universiti Kolej ini, pelajar-pelajar bukan hanya tidak dibenarkan aktif dalam politik, tetapi tidak boleh menyokong mana-mana parti. Sekarang ini saya kira

ramai yang menjadi ahli mana-mana parti pertubuhan negara kita. Apakah tindakan tegas yang telah diambil oleh pihak Kementerian terhadap pelajar-pelajar yang menjadi ahli mana-mana parti yang juga boleh melibatkan pengharaman parti-parti dalam negara kita?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yarig di-Pertua, seperti yang saya terangkan tadi, mengikut peruntukan Akta Universiti dan Universiti Kolej, 1971, kita memang menghalang pelajar-pelajar tersebut melibatkan diri dalam politik. Kalau Ahli Yang Berhormat ada bukti-bukti yang nyata dapat membuktikan bahawa ada kumpulan pelajar-pelajar yang menyokong parti politik dengan aktif atau berkempen, saya harap Ahli Yang Berhormat boleh berhubung dengan Kementerian Pendidikan supaya kita boleh ambil tindakan yang sewajarnya.

SELAT MELAKA— KESELAMATAN PELAYARAN

13. Dato' K. Vijayanathan minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah kemajuan yang telah dibuat oleh Malaysia, Singapura dan Indonesia untuk melaksanakan dan menaruh ke dalam operasi tindakan berjaga-jaga keselamatan bagi trafik di sepanjang Selat Melaka dan bolehkah Menteri memberi butir-butir mengenai jumlah kapal-kapal layar dan muatan purata yang menggunakan Selat ini setiap hari,

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin untuk menjawab soalan bagi pihak Kementerian Pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia, Singapura, Indonesia memang sentiasa bekerjasama di dalam hal ehwal

keselamatan pelayaran di Selat Melaka. Di dalam hubungan ini satu Jawatankuasa yang dipanggil 'Tripartite Technical Experts Group' (TTEG), dengan izin, telah ditubuhkan di antara ketiga-tiga negara ini. Jawatankuasa ini bermesyuarat setiap tahun bagi membincangkan isu-isu mengenai keselamatan pelayaran dan pencegahan pencemaran.

Di antara langkah-langkah yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat TTEG yang ke-18 yang telah diadakan pada 25hb hingga 27hb Pebruari 1993 yang lalu ialah mengkaji semula Skim Pemisah Trafik yang telah wujud di Selat Melaka dan Singapura semenjak tahun 1981 di mana sebuah Kumpulan Kerja Teknikal tiga negara dibentuk untuk tujuan ini; dan mewujudkan satu sistem pengawasan pergerakan kapal yang dipanggil 'Yessel Traffic Services' (VTS) serta membincangkan sistem-pemeriksaan kapal-kapal yang memasuki pelabuhan yang dipanggil 'Port State Control*' untuk mengesan dan menahan kapal-kapal yang 'sub-standard'.

Sebanyak lebih kurang 200 buah kapal melalui Selat Melaka pada setiap hari. Pihak Kementerian tidak dapat mengetahui muatan yang dibawa oleh kapal-kapal ini oleh kerana kapal-kapal ini tidak perlu memberitahu atau melaporkan mengenai apa yang dibawa oleh mereka.

**SKIM PINJAMAN ASB-PPRT—
JUMLAH PERUNTUKAN KE
SABAH**

14. Tuan Limun Laikim minta Menteri Kewangan menyatakan:

(a) berapakah jumlah rakyat Malaysia di Sabah yang mendapat pinjaman Skim Khas yang diperuntukkan oleh Kerajaan; dan

(b) adakah peminjam-peminjam ini diberi syarat-syarat yang tertentu; jika ada, apakah bentuk syarat-syarat itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, penubuhan tabung-tabung dan Skim Pinjaman Khas oleh Kerajaan, misalnya, Skim Pinjaman Amanah Saham Bumiputera di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin atau lebih dikenali dengan nama Skim ASB/PPRT dan Skim-skim Pinjaman Penjaja dan Peniaga Kecil yang dikendalikan oleh Syarikat Jaminan Kredit adalah untuk menyediakan kemudahan bagi membantu golongan-golongan tertentu yang memerlukan pembelaan.

Bagi Skim ASB/PPRT, misalnya, ia bertujuan memberi kemudahan kepada rakyat termiskin menyertai Skim Amanah Bumiputera, manakala Skim Pinjaman Penjaja dan Peniaga-peniaga Kecil adalah untuk memberi sumber kewangan kepada golongan penjaja dan peniaga kecil dalam menjalankan aktiviti perniagaan mereka.

Untuk negeri Sabah, setakat 13hb Disember lalu, bilangan yang diluluskan pinjaman di bawah Skim ASB/PPRT adalah seramai 13,802 keluarga dengan jumlah pinjaman sebanyak RM69.01 juta. Di bawah skim-skim pinjaman untuk penjaja dan peniaga kecil pula, seramai 1,244 peminjam di Sabah telah diluluskan pinjaman sebanyak RM3.3 juta setakat 30hb November 1993.

Bagi menjawab soalan (b), setiap tabung dan skim pinjaman yang ditubuhkan oleh Kerajaan mempunyai syarat-syarat tertentu. Syarat-syarat ini bertujuan memastikan kemudahan yang disediakan dapat dimanfaatkan sebaik

mungkin dan menepati kumpulan sasarannya.

Bagi Skim ASB/PPRT, misalnya, golongan yang layak untuk mendapat kemudahan pinjaman adalah golongan bumiputera yang dikategorikan sebagai termiskin dan fakir. Pendapatan sebulan keluarga tersebut tidak kurang daripada RM175 bagi Semenanjung, RM225 bagi Sarawak dan RM260 bagi Sabah.

Bagi Skim-skim Pinjaman Penjaja dan Peniaga Kecil pula, syarat asas bagi kelayakan pinjaman tersebut ialah peminjam adalah warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan mempunyai tempat perniagaan khusus serta lesen atau permit yang sah.

Tuan Limun Laikim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengetahui bahawa salah satu syarat untuk mendapatkan pinjaman di bawah pinjaman Skim Khas yang dijawab oleh Yang Berhormat sebentar tadi iaitu apabila seseorang itu memohon, beliau haruslah menjadi seorang ahli ataupun memohon sebagai ahli UMNO?

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, keahlian dalam mana-mana parti politik sama ada UMNO atau PBS bukan merupakan syarat bagi seseorang itu layak menerima pinjaman di bawah ASB/PPRT.

PROGRAM BERSIH DAN INDAH —PELAKSANAAN

15. Tuan Saidin bin Mohamad minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sejauh manakah perancangan dan kerja-kerja penjagaan kebersihan, keindahan dan baikpulih

sungai telah dan sedang dilaksanakan bagi mewujudkan ketiga-tiga aspek itu terutama di kawasan-kawasan bandar bagi meningkatkan lagi tarikan pelancongan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang melaksanakan Program Bersih dan Indah di mana ianya melibatkan semua pihak berkuasa tempatan di seluruh negara. Program Bersih dan Indah peringkat pertama dilaksanakan bagi tempoh tahun 1990 hingga 1994 dengan melibatkan peruntukan sebanyak RM31.8 juta. Pelaksanaan peringkat kedua yang melibatkan semua Majlis Daerah dilaksanakan bagi tempoh tahun 1993 hingga 1997 dengan peruntukan sebanyak RM32.9 juta. Kesemua peruntukan Kerajaan Persekutuan yang terlibat dalam program ini adalah sebanyak RM64.7 juta. Perkara yang diberikan perhatian utama dalam program ini ialah mengenai penjagaan dan peningkatan kebersihan dan keindahan jalan protokol, pasar-pasar, tandas-tandas awam, sekolah, longkang-longkang, parit-parit dan sungai-sungai yang terdapat dalam kawasan pihak berkuasa tempatan di seluruh negara.

Di samping itu, pihak berkuasa tempatan juga mengadakan penjagaan dan penyelenggaraan yang lebih kerap ke atas tempat tumpuan pelancongan termasuk sungai-sungai dalam kawasan-nya sebagai persiapan menyambut Tahun Melawat Malaysia 1994.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Michael Bong Thiam Joon.

[*Soalan No. 16 — Y.B. Tuan Michael Bong Thiam Joon tidak hadir*]

**PERSIDANGAN KETUA-
KETUA NEGARA KOMANWEL
DI CYPRUS—KEJAYAAN**

17. Tuan Ghazali bin Haji Embong minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh mana kejayaan yang telah dicapai dalam persidangan Ketua-Ketua Negara Komanwel di Cyprus baru-baru ini terutama mengenai isu-isu yang dibangkitkan oleh Malaysia seperti isu Bosnia dan hak asasi manusia.

Timbalan Menteri Luar Negeri [**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan**]: Tuan Yang di-Pertua, mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) yang diadakan baru-baru ini di Cyprus telah mencapai kejayaan. Malaysia telah memainkan peranan aktif di mesyuarat tersebut, Kita telah dapat menarik perhatian Komanwel terhadap isu Bosnia secara berkesan dengan Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel mengeluarkan teks dalam Kenyataan Rasmi yang mengutuk secara keras pencabulan hak asasi manusia termasuk Dasar 'Ethnic Cleansing' sebagai satu penghinaan terhadap perikemanusiaan serta menggesa amalan-amalan ini dihentikan dengan segera. Kita juga telah memastikan yang teks dalam Kenyataan Rasmi berkenaan hak asasi manusia memberi tekanan bahawa demokrasi dan pembangunan adalah saling berkaitan.

Dr. Toh Kin Woon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu dalam konteks Komanwel, adakah Malaysia bercadang mengambil sedikit 'pressure' ataupun tekanan terhadap England memandangkan pada hakikatnya bahawa United Kingdomlah yang sedikit sebanyak bertanggungjawab ke atas apa yang berlaku di Bosnia-Herzegovina?

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju

sangat tentang pendapat Yang Berhormat di mana pihak Englandlah yang menjadi batu penghalang kepada penyelesaian masalah Bosnia-Herzegovina dan pihak kita telah pun mencuba secara tidak rasmi dan akan terus mencuba, malah menekan mereka agar lebih prihatin dan lebih adil dan saksama tentang dasar mereka terhadap isu penyelesaian masalah di Bosnia-Herzegovina.

**KAMPUNG BARU—BILANGAN
KAMPUNG YANG BELUM
MENUBUHKAN JKKK**

18. Tuan Ho Cheng Wang minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sehingga setakat ini, berapakah Kampung Baru di Semenanjung Malaysia belum menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan Kampung (JKKK) dan sebab-sebabnya.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, bilangan kampung yang dahulunya dikenali sebagai Kampung Baru yang masih belum menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung di Semenanjung Malaysia sehingga masa kini ialah sebanyak 157 buah kampung.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap penubuhan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung bergantung kepada beberapa kriteria, khususnya keperluan serta pemilihan ahli yang sesuai. Asas-asas penubuhan ini adalah ditetapkan oleh pihak Kerajaan Negeri masing-masing dan keputusan untuk menubuhkan Jawatankuasa ini juga terpulang kepada Kerajaan-kerajaan Negeri. Namun, pihak Kementerian sentiasa mengadakan perbincangan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri mengenai penubuhannya.

Tuan Fu Ah Kiow: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta Yang Berhormat menjelaskan sebab-sebab Wilayah Persekutuan tidak dibenarkan menubuhkan JKKK untuk Kampung-kampung Baru di Wilayah Persekutuan.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, kerana kuasa ini adalah terletak di dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri dan tidak memberikan pula kuasa itu kepada pihak Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Johan B.O.T. Ghani.

Tuan Ghazali bin Haji Embong: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 19.

KADAR TARIF ELEKTRIK DI SABAH—CADANGAN MENURUNKAN

19. Tuan Ghazali bin Haji Embong [di bawah S.O. 23(2)] minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sebab-sebab apakah bayaran elektrik di Semenanjung rendah berbanding dengan Sabah. Adakah cadangan Kementerian untuk menurunkan kadar bayaran elektrik di Sabah.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya kadar tarif di negeri Sabah agak tinggi berbanding dengan Semenanjung Malaysia disebabkan oleh kos pengeluaran kuasa unit yang tinggi di negeri Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos pengeluaran seunit ialah terdiri dari tiga kos komponen iaitu kos penjaanaan, kos penghantaran dan kos pengagihan. Kos penjaanaan di Sabah

adalah tinggi kerana majoriti stesen-stesen LLS masih lagi bergantung kepada bahan bakar disel untuk menjana kuasa.

Kos penjaanaan bagi stesen-stesen yang disambung kepada grid, Pantai Barat ialah 16 sen/KWJ berbanding dengan anggaran kos penjaanaan TNB yang hanya 9 sen/KWJ. Di samping itu, kedudukan penduduk yang bertaburan luas di Sabah dan tidak adanya sistem grid yang menyambungkan semua kawasan ini memaksa LLS menggunakan janakuasa-janakuasa kecil. Kos operasi janakuasa ini adalah jauh lebih tinggi daripada kos yang disambungkan kepada grid-grid Pantai Barat seperti berikut, Stesen-stesennya ialah:

<i>Stesen</i>	<i>Kos (sen/KWJ)</i>	<i>Harga Jualan (sen/KWJ)</i>
Grid Pantai Barat	20.56	25.04
Stesen Utama	25.78	26.63
Stesen Kecil	40.31	25.46
Stesen Luar Bandar	4.13	25.26

Selain daripada itu, kos pengendalian LLS adalah tinggi disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- (i) LLS terpaksa juga menampung perbelanjaan penghantaran dan pengagihan yang tinggi bagi grid Pantai Barat. Kos purata telah meningkat dari RM5.3 sen seunit kepada RM7.7 sen seunit dalam tahun 1991. Ini disebabkan kos sambungtara Labuan-Beaufort yang dimula-tugaskan pada bulan Mac, 1990. Kos pembahagian yang tinggi iaitu RM9.8 sen seunit di stesen-stesen kecil adalah disebabkan oleh bilangan pengguria yang kecil dan bertaburan.

- (ii) LLS mengendalikan 33 buah stesen luar bandar. Kos pembangunannya dibiayai secara langsung oleh Kerajaan Persekutuan, manakala kos operasinya ditanggung oleh LLS. Kos operasi untuk mengendalikan stesen-stesen ini adalah tinggi. Sejak mula dilaksanakan pada tahun 1984 sehingga kini, stesen-stesen ini sentiasa membawa kerugian kepada LLS. Sungguhpun bilangan pengguna stesen luar bandar hanya 10% daripada jumlah pengguna LLS, kerugian stesen luar bandar merupakan 20% keseluruhan pada tahun 1991.
- (iii) Perbelanjaan kewangan LLS tinggi kerana baki pinjamannya yang mempunyai kadar faedah yang tinggi. Hasil yang diperolehi tidak dapat menampung perbelanjaan kewangan LLS sepenuhnya.

Walaupun, purata keseluruhannya akan ada sedikit keuntungan, namun apabila kos kewangan diambilkira operasi stesen-stesen, penurunan kadar tarif di Sabah pada masa ini sukar dilaksanakan oleh Lembaga Letrik Sabah disebabkan oleh perkara yang tersebut di atas. Ianya mungkin boleh dipertimbangkan setelah lebih banyak projek penjanakuasa yang berasaskan hidro dan gas dilaksanakan dan apabila semua stesen utama di negeri Sabah ini termasuk dalam satu rangkaian grid.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup dan Jawapan bagi

Soalan No. 16 dan No. 20 hingga 47 adalah dijilid dalam buku berasingan}

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG CAP DAGANGAN (PINDAAN) 1993

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang".
[15hb. Disember, 1993]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz menyambung ucapannya.

334 ptg.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya meyambung kembali perbahasan saya yang telah dihentikan semalam dengan mengingat kembali bahawa di akhir hari semalam saya telah menyentuh berkenaan dengan Seksyen 19(3)(a), iaitu berkenaan dengan kuasa penolakan Pendaftar kepada satu permohonan kalau sekkanya jenama itu mengelirukan dan melibatkan dalam perniagaan kepada barangan yang sama.

Saya telah menyatakan bahawa disabitkan pada ketika ini, banyak syarikat sudah pun, dengan izin, mendiversifykan perniagaan mereka. Ianya tidak terhad kepada satu barangan sahaja, maka sudah tentulah perlindungan harus diberikan kepada syarikat ini supaya jenama kepada syarikat itu tidak akan dibenarkan pendaftarannya semata-mata kerana ia tidak melibatkan diri dalam perniagaan yang sama. Jadi, saya

merasakan bahawa Pendaftar hendaklah diberi kuasa untuk menolak sesuatu permohonan untuk pendaftaran kalau sekiranya jenama itu mengelirukan, itu sudah cukup untuk ditolak, walaupun ia tidak melibatkan di dalam bidang perniagaan yang sama seperti penjualan barangan, rokok dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan muka surat 12, iaitu Fasal 22, berkenaan dengan seksyen 28(b) di mana disebut dengan izin, bahawa "The applicant shall, within the prescribed time.....". Perkataan yang hendak saya hujah di sini ialah berkenaan dengan 'the prescribed time'. Kita semua tahu bahawa di dalam perniagaan, dengan izin, 'time is of essence' - bermakna bahawa kita perlu kepada masa yang cepat untuk menyelesaikan masalah kerana dalam perniagaan, masa tidak menunggu kita dan kesempatan tidak menunggu kita. Kalau kita lewat bertindak, maka sudah tentu daripada segi perniagaan, ianya akan banyak mendatangkan kerugian kepada kita disabitkan oleh kerana kelewatan untuk kita mengambil satu tindakan kerana sepertimana yang telah saya sebut, 'time is of essence' dalam bidang perniagaan ini.

Saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian, iaitu mengapa tidak dalam Akta ini disebutkan jumlah hari yang perlu, seperti jumlah hari yang tertentu. Sebab kalau kita tengok di sini, kalau disebut 'within the prescribed time', ianya bennakna bahawa budi bicara tentang waktu, jangka masa yang perlu untuk dijawab kembali sesuatu rayuan itu ialah bergantung kepada budi bicara Pendaftar. Pendaftar boleh, pada satu ketika mengatakan bahawa "the prescribed time is 10 days" dan dalam kes yang lain pula boleh mengatakan 15 hari. Ini tidak konsisten.

Kalau tidak silap saya, Kementerian yang sama telah membentangkan satu Rang Undang-undang pada sesi yang lepas berkenaan dengan Direct Selling Act. Dalam Direct Selling Act itu, ada peruntukan mengenai jumlah hari yang tertentu dan ia tidak memberikan budi bicara kepada Pendaftar. Maksudnya, kalau jangkamasa yang mesti menjawab rayuan ialah dalam masa 7 hari, disebut 7 hari. Sebab 'the prescribed time' ini bermakna, boleh jadi di antara satu jam sampai 20 hari, ataupun 50 atau 60 hari.

Jadi, itu terpulang kepada budi bicara Pendaftar. Maka, daripada segi perniagaan, ini akan banyak merugikan ramai peniaga-peniaga disabitkan oleh kerana Pendaftar boleh melewati masa dengan mendapat perlindungan daripada Akta kerana Akta hanya menyebut 'within the prescribed time'. Apakah masalah yang dihadapi oleh pihak Kementerian kalau dalam Akta ini kita tidak sebut 'the prescribed time', tetapi kita terus menyebut jumlah hari yang tertentu?

Saya ingin tahu, kemungkinan di dalam perbincangan yang dibuat sebelum disediakan Akta ini, ada sesuatu yang saya sendiri tidak tahu sehinggakan dalam Akta ini adalah dirasakan bahawa 'the prescribed time' itu lebih baik daripada disebut jumlah hari yang tertentu. Tetapi mengikut pandangan saya, saya rasa kalau diletakkan 'prescribed time' sahaja dan tidak meletakkan jumlah hari yang tertentu, ini akan pada akhirnya nanti mendatangkan kerugian kepada peniaga-peniaga kerana saya rasa apabila kita berikan budibicara untuk memutuskan berapakah sebenar jumlah hari yang hendak ditentukan, sudah tentu kita akan mengambil masa yang lama dan ini akan banyak merugikan kepada pedagang-pedagang yang berdagang di dalam negara kita.

Oleh yang demikian, kalau sekiranya tidak ada masalah untuk diletakkan jumlah hari tertentu - saya merasakan bahawa 'prescribed time' ini adalah suatu yang boleh merugikan pedagang dalam mereka mahu membuat pendaftaran kepada pihak Pendaftar - saya rasa lebih baik kita tentukan jumlah hari supaya kerja dapat dipercepatkan dan tidak dibenarkan pihak Pendaftar duduk berlindung di bawah Akta untuk melewati ataupun melambatkan kes-kes yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan apa yang hendak saya sebutkan di sini ada di dalam Akta ibu. Tetapi daripada apa yang saya baca di sini, 'saya lihat bahawa peruntukan untuk rayuan kepada pemohon yang mana- pendaftarannya ditolak tidak disediakan di bawah Akta ini. Kita semua tahu iaitu bahawa asas dan tiang kepada memperkuat dan mempertahankan undang-undang ini ialah hak rayuan. Saya rasa di mana-mana juga kita berada sudah tentu kalau sekiranya tiap-tiap satu keputusan yang telah dibuat di atas satu permohonan, kalau ianya ditolak, maka hak rayuan itu sepatutnya merupakan hak automatik. Dalam apa-apa kes sekalipun, kalau macam kita kata di setengah-setengah negara, kalau macam kes hukuman gantung, macam di Amerika Syarikat; kalau sekalipun permohonan rayuan tidak dibuat oleh orang yang dikenakan hukuman itu, maka secara automatik dianggap bahawa rayuan itu ada.

Jadi, rayuan kepada penolakan pendaftaran merupakan dengan izin, basis and pillars of laws in the country. Ianya mesti diberikan kerana ada kemungkinannya keputusan yang dibuat oleh manusia biasa itu pada peringkat awal melihat kepada kes yang ada di hadapannya. Mungkin ia membuat

keputusan untuk menolak. Tetapi kemungkinan ada kes-kes yang tertentu di mana ada justifikasi supaya rayuan kepada penolakan ini mesti dibuat. Sebab itu, saya merasakan bahawa tidak lengkap Akta ini kalau sekiranya ia ada menyediakan satu permohonan untuk pendaftaran, tetapi apabila pendaftaran itu ditolak, tidak ada rayuan.

Saya rasa rayuan kepada penolakan ini mesti diberikan kepada pemohon-pemohon, sebab itulah merupakan asas kepada undang-undang kita. Kemungkinan, sepertimana yang telah saya sebut sebentar tadi, ianya ada dalam Akta ibu dan mungkin tidak dibangkitkan di sini. Kalau ada tidak apalah. Tetapi kalau tidak ada, saya ingin mencadangkan supaya hak untuk merayu itu hendaklah diberikan satu seksyen yang khusus di bawah Akta ini supaya kita akan dapat memuaskan hati semua pemohon-pemohon dengan memberikan ruang kepada mereka untuk merasakan bahawa kes mereka ini telah didengari dengan adil dan diberikan ruang yang sepenuhnya untuk merayu. Kalau sekiranya kita tolak kesnya, maka dia akan rasa amat puashati kerana dia telah pun diberi hak rayuan dan setelah rayuannya ditolak maka tentulah perasaannya lebih puas daripada kalau ia ditolak di peringkat awal dan tidak diberikan hak untuk merayu kesnya ini.

Saya amat merasa bahawa soal ini hendaklah, dengan izin, di'addressed' sebab saya tengok bahawa setiap Akta yang lepas di mana yang telah kita bincangkan, memang menyediakan peruntukan untuk rayuan kepada satu pendaftaran yang telah ditolak.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir sekali, dalam soal Rang Undang-undang Akta Cap Dagangan ini, saya ingin

bertanya kepada pihak Kementerian, dalam kita menjadi ahli Konvensyen Paris, apakah di dalam Konvensyen Paris ini menjadi satu understanding iaitu bahawa kalau kita menjadi ahli Konvensyen itu, maka penggunaan nama 'negara' adalah tidak dibenarkan untuk dijadikan sebagai satu jenama di negara yang lain. Saya berkata ini kerana ada di suatu masa dahulu di sebuah ibukota negara, di mana ia menyebut hanya 'Restoran Malaysia'.

Jadi, walaupun orang berkata bahawa ini mungkin tidak ada kena-mengena dengan perdagangan kerana itu merupakan nama sebuah negara, tetapi pedagang telah menggunakan nama itu untuk dia berniaga. Restoran, sebagai contoh, itu perniagaan. Dia menggunakan 'Restoran Malaysia'. Jadi, tidakkah penggunaan perkataan sebuah negara seperti 'Malaysia' itu adalah hak mutlak kepada negara itu sahaja dan ianya tidak boleh digunakan sebagai jenama untuk apa-apa barangan ataupun servis yang sudah tentu kalau barangan dan servis itu tidak mendatangkan nama baik, ataupun tidak memberikan satu prestasi yang baik, maka sudah tentu ia akan memberikan nama yang tidak baik kepada Malaysia. Sebab penggunaan 'Malaysia' yang begitu sewenang-wenangnya berlaku di negara lain. Di Malaysia kita tidak izinkan sedemikian - itu di Malaysia. Tetapi di negara lain ia digunakan begitu sahaja. Kita rasa bahawa kita mempunyai hak mutlak ke atas penggunaan nama 'Malaysia' ini.

Saya merasakan begitu sensitif dan peka dalam hal ini kerana kemungkinan suatu hari nanti ada penggunaan — yang pernah berlaku pun sebelum ini — tetapi di masa yang akan datang kalau tidak ada satu persefahaman di kalangan negara-negara Konvensyen bahawa kita

tidak boleh menggunakan nama sebuah negara itu sebagai jenama dagangan kita, saya bimbang nanti akan berlaku berleluasa penggunaan nama 'Malaysia' itu. Kalau tidak pun untuk perdagangan, tetapi kalau untuk lain-lain tujuan pun kita seharusnya memikirkan supaya nama 'Malaysia' itu hendaklah dipertahankan. Kalau orang menggunakan perkataan 'Restoran Malaysia', apa kata kalau di dalam Restoran Malaysia itu ia menjual makanan yang tidak asli kepada Malaysia dan kalau orang tidak suka kepada makanan itu, orang kata makanan Malaysia tidak bagus; ataupun macam-macam yang lain. Sebagai contoh, mungkin barangan dinamakan 'Malaysia' seperti Rokok Malaysia.

Kalau kita tidak pastikan ada persefahaman di kalangan negara-negara Konvensyen ini supaya menghormati penggunaan nama sebuah negara itu, kemungkinan di masa-masa yang akan datang penggunaan akan dilakukan dengan begitu berleluasa. Jadi, soalan saya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ialah apakah ada persefahaman di kalangan negara-negara Konvensyen ataupun di Bangsa-Bangsa Bersatu bahawa kita dibenarkan untuk menggunakan nama-nama negara sebagai jenama kepada barangan ataupun servis yang dijalankan di dalam negara itu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itulah sedikit-sebanyak perkara yang hendak saya bangkitkan berkenaan dengan Rang Undang-undang Cap Dagangan ini. Saya berharap bahawa segala apa yang telah saya bangkitkan ini boleh diambil kira dengan serius sebab apa yang saya cuba lakukan ialah semata-mata untuk memperketat dan memperkuat lagi Akta ini supaya ia boleh menjadi suatu Akta yang bermakna untuk memberikan keyakinan dan kepercayaan kepada

pelabur-pelabur asing untuk datang ke negara kita dan melabur dengan lebih banyak lagi.

Sekian, terima kasih dan saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab.

3.50 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr. Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya terlebih dahulu bagi pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz yang telah mengambil bahagian yang aktif dan juga menunjukkan satu minat yang begitu mendalam terhadap perbahasan mengenai Cap Dagangan ini. Memang Kementerian akan mengambil berat dan serius tentang segala pandangan dan cadangan yang telah dibangkitkan oleh beliau. Izinkan saya juga menyatakan bahawa semua perkara dan 'points' yang telah dibangkitkan ada berguna dan ada secara langsung mengkait dengan perkara-perkara yang telah ditimbulkan dalam pindaan kepada Akta Cap Dagangan ini.

Sekarang saya cuba memberi jawapan kepada beberapa soalan dan isu yang telah dibangkitkan dan saya percaya apa yang dapat saya menjawab boleh merupakan sebagai satu usaha yang memuaskan kepada Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri.

Pertamanya, mengenai isu yang ada berkaitan dengan seksyen 3(2)(c) iaitu sebagai satu seksyen yang baru, adalah

benar bahawa seksyen 3(2)(c) hanya merujuk kepada perkhidmatan. Tetapi saya juga ingin memaklumkan di sini bahawa rujukkan kepada barangan telah pun diperuntukan di bawah Akta ibu dan seksyen yang dirujukkan yang ada berkaitan dengan barangan adalah seksyen 3(2)(b).

Berhubung dengan penguatkuasaan undang-undang pula, ada juga diperuntukkan bahawa jika sekiranya sesuatu cap dagangan dilanggari, pemilik boleh membawa perkara tersebut ke mahkamah dan perlindungan ini akan diberi sekiranya pemilik ini telah mendaftarkan cap dagangannya.

Mengenai isu perlindungan salinan atau 'reciprocal protection' dengan negara asing yang ditetapkan, saya ingin jelaskan di sini bahawa Konvensyen Paris adalah sebuah 'multilateral treaty' yang mempunyai 108 ahli pada Januari 1993. Peruntukan ini memberi peluang bagi Malaysia mengadakan hubungan dua-hala dengan negara-negara lain yang bukan ahli Konvensyen Paris dalam bidang harta perindustrian, di mana negara-negara tersebut mempunyai kepentingan ekonomi dan hubungan perdagangan dengan Malaysia. Tambahan pula, Konvensyen Paris tidak menghalang negara-negara anggota mengadakan hubungan dua-hala (bilateral) dengan negara-negara yang bukan anggota Konvensyen Paris.

Berhubung dengan isu cap dagangan yang serupa, seksyen 19(3)(a) memperuntukkan kuasa Pendaftar untuk menolak cap dagangan dari segi barangan sahaja, manakala seksyen 19(3)(b) memperuntukkan penolakan cap dagangan sekiranya ia menimbulkan kekeliruan dari segi barangan dan

perkhidmatan yang berkaitan. Tetapi jika terdapat keadaan di mana barangan tersebut tidak berkaitan tetapi cap dagangan yang dipohon adalah serupa atau seakan-akan serupa, Pendaftar ada kuasa dan boleh mengenakan larangan-larangan yang diperuntukkan di dalam seksyen 14(a). Jadi, untuk menyebut menggunakan balik contoh yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri, jenama atau cap dagangan yang dimiliki oleh sebuah syarikat yang mengeluarkan barangan misalnya 'rokok'; jika sekiranya terdapat pemohon lain yang ingin mendaftarkan cap yang sama untuk barangan yang lain seperti pakaian, walaupun barangan ini tidak berkaitan dengan kegunaan cap dagangan bagi barangan yang asal, jadi Pendaftar boleh mengenakan larangan yang diperuntukkan di bawah seksyen 14(a) di mana penggunaan cap ini boleh memperdayakan atau menyebabkan kekeliruan kepada orang ramai yang beranggapan cap tersebut dimiliki oleh pemilik yang sama.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, ada yang minta penjelasan.

Datuk Haji Ahmad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Tadi kita semua dengar berkenaan dengan cap jenama, tetapi ada cap jenama tiruan. Misalnya, "Dunhill". Kalau kita hendak beli satu beg "Dunhill", harganya RM1,000 lebih. Tetapi kalau "Dunhill" buatan Siam, harganya RM16 sahaja. Kalau saya beli kasut "Bally" di London, harganya RM1,500, tetapi kalau beli di sini dekat pasar malam, harganya RM28 - "Bally" juga. Begitu juga, tali

pinggang pun banyak bersepah. Jadi, apakah pandangan Kementerian terhadap barang-barang tiruan ini tetapi murah?

Drs. Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, kalau sesuatu cap dagangan telah pun didaftarkan dan kegunaan cap dagangan itu dipakai tanpa kebenaran tuan punya cap dagangan atau pengguna yang mendaftar, maka itu boleh dianggap sebagai satu larangan dan terpulanglah kepada pemegang atau tuan punya cap dagangan itu untuk mengambil tindakan melalui peruntukan undang-undang yang ada. Jadi, memanglah Kementerian sentiasa mengambil berat tentang penjualan barang-barang tiruan ataupun barangan yang menggunakan jenama yang tiru. Jadi, di sini Kementerian memang mengambil serius tentang perkara yang berkaitan dengan mereka yang mencabuli hak intelek orang lain dan dari masa ke semasa Kementerian sentiasa mengambil tindakan yang sewajarnya.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara yang dibangkitkan pada hari ini oleh Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri. Berkaitan dengan hak rayuan selepas satu penolakan pendaftaran, sama ada pemohon mempunyai hak untuk membuat rayuan, hak itu memang ada di dalam Akta itu. Seksyen 25(5) memberikan hak rayuan kepada sesiapa yang mana permohonan beliau telah pun ditolak.

Satu perkara lagi iaitu di bawah seksyen 28(3) yang berbunyi, dengan izin, 'The applicant shall, within the prescribed time....', mengapa tidak menetapkan masa itu dan hanya sebutkan sebagai 'prescribed time'. Akta itu telah mentakrifkan 'prescribed time' ini iaitu 'prescribed' bermakna ia akan ditetapkan oleh Akta atau melalui Peraturan-

peraturan. Dalam hal ini, masa telah pun ditetapkan melalui Peraturan-peraturan, iaitu peraturan 43 yang menetapkan masa dua bulan lagi 'counter-statement'.

Akhir sekali, berkaitan dengan adakah satu persetujuan atau peruntukan bagi ahli-ahli Paris Convention yang mana kegunaan nama-nama negara dilarang atau dibolehkan. Peruntukan ini telah pun sedia ada di dalam Paris Convention di bawah 'Sixth Article' di mana negara-negara yang menjadi ahli Paris Convention boleh memberi notis supaya jenama yang penting, misalnya nama negara, tidak boleh didaftarkan di mana-mana negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya setakat itulah saya dapat memberi jawapan dan saya pun telah cuba menjawabkan semua point-point, perkara-perkara dan isu-isu yang telah dibangkitkan dalam masa perbahasan. Akhirnya, saya juga lagi sekali ingin merakamkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri atas pandangan beliau yang memang bukan hanya memberi galakan kepada kami di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk terus berusaha gigih dalam mengemas-kinkan apa jua Rang Undang-undang di bawah kawalseliaan Kementerian, tetapi juga di bawah kerja-kerja susulan, khususnya dalam penguatkuasaan undang-undang yang sedia ada. Dengan itu, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 61 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 1993

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.07 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [**Dato' M. Mahalingam**]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama satu Akta untuk membuat peruntukan lanjut bagi memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang-orang yang sedang bekerja, bagi melindungi orang-orang lain terhadap risiko kepada keselamatan atau kesihatan berkaitan dengan aktiviti orang-orang yang sedang bekerja, untuk menubuhkan Majlis Negara Bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, dan bagi perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana

bersabar menunggu selama ini. Kerajaan telah mengambil masa yang agak lama untuk membentangkan Akta ini kerana masa yang panjang diperlukan untuk mengkaji berbagai aspek dalam penggubalan Akta ini. Dalam proses penggubalan Akta ini, Kerajaan juga telah mengambil kira pengalaman beberapa buah negara maju yang telah melaksanakan Akta seperti ini. Akta yang dicadangkan ini ialah satu 'umbrella Act', dengan izin, kerana ianya akan mengukuhkan dan melengkapkan lagi peruntukan-peruntukan di bawah undang-undang yang sedia ada berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, Wawasan 2020 yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mula menampakkan hasilnya. Perkembangannya yang nyata sekali ialah di sektor perindustrian, khususnya di sektor perkilangan di mana ianya sedang pesat membangun di seluruh negara. Ini adalah satu fenomena yang membanggakan jika dibandingkan dengan negara-negara yang lain di dunia. Perkembangan di sektor perindustrian biasanya diiringi oleh masalah keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam bentuk bertambahnya kejadian kemalangan dan penyakit perusahaan. Ini disebabkan oleh bertambahnya bilangan orang yang bekerja di mana lebih ramai lagi orang bekerja akan terdedah kepada bahaya dan tegasan yang ada di tempat kerja.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengetahui betapa ketaranya masalah keselamatan dan kesihatan pekerjaan di negara kita ini, ingin saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada statistik-statistik yang dikumpulkan oleh Kementerian Sumber Manusia. Dari perangkaan kemalangan perusahaan yang dikumpul oleh Pertubuhan Keselamatan

Sosial, jelas sekali bilangan kemalangan telah bertambah dari 88,127 pada tahun 1988 kepada 124,503 pada tahun 1992, iaitu pertambahan sebanyak 41% dalam tempoh 4 tahun. Dalam tahun 1992 sahaja sebanyak 778 kes maut direkodkan.

Kemalangan-kemalangan tersebut telah dibayar pampasan berjumlah RM63 juta pada tahun 1988, dan sebanyak RM141 juta pada tahun 1992 iaitu pertambahan sebanyak 125%. Mengikut beberapa kajian yang telah dijalankan oleh negara perindustrian, kos kemalangan mempunyai dua komponen iaitu kos secara langsung, direct cost, dengan izin dan kos secara tidak langsung, indirect cost, dengan izin. Anggaran kos tidak langsung ialah lebih kurang empat kali ganda kos secara langsung. Jika jumlah pampasan yang dibayar pada tahun 1992 dianggap sebagai sebahagian dari kos secara langsung. Ini bermakna jumlah kos kemalangan perusahaan pada tahun 1992 melebihi RM700 juta. Anggaran ini tidak termasuk kos yang disebabkan oleh penyakit perusahaan.

Kajian yang lalu pula meletakkan jumlah kos kepada negara disebabkan oleh kemalangan perusahaan di antara 1% hingga 4% Keluaran Negara Kasar (KNK) negara tersebut. Anggaran ini adalah berdasarkan kepada kajian yang dijalankan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO). Mengikut sifir ini, kos yang ditanggung oleh negara disebabkan oleh kemalangan perusahaan pada tahun 1991 dianggarkan di antara RM1.2 bilion hingga RM4.9 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang dan kesihatan pekerjaan yang ada di negara ini sekarang tidak berupaya menyelesaikan masalah kejadian kemalangan dan penyakit perusahaan di

tempat-tempat kerja. Selain dari kelemahan dari segi pendekatan, bidangkuasa Akta Kilang dan Jentera 1967 hanya terhad kepada sektor-sektor pembuatan, perlombongan dan kerja-kerja binaan sahaja yang menggaji lebih kurang 25% dari 7.8 juta tenaga pekerja di negara ini. Pekerja-pekerja di sektor yang lain seperti perhutanan, pertanian, perikanan, komersil dan perkhidmatan awam tidak ada undang-undang yang khusus melindungi keselamatan dan kesihatan mereka semasa bekerja.

Mengikut perangkaan yang dipungut oleh Jabatan Buruh dan Pertubuhan Keselamatan Sosial, Sektor pertanian dan perhutanan menunjukkan kadar kemaiangan dan kematian perusahaan yang tinggi berbanding dengan sektor-sektor yang lain. Satu-dari sebabnya adalah kerana ketiadaan undang-undang. Statistik-statistik kemalangan di sektor-sektor yang tidak diliputi oleh Akta Kilang dan Jentera 1967 dari tahun 1985 hingga tahun 1989, menunjukkan peratusan jumlah kemalangan di sektor tersebut adalah di antara 38% hingga 50% daripada jumlah bilangan kemalangan keseluruhannya. Ini bermakna, status keselamatan dan kesihatan di sektor-sektor itu adalah kurang memuaskan dan keadaan ini mungkin wujud kerana ketiadaan undang-undang dalam pengawalan kemalangan dan penyakit pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi kelemahan-kelemahan di atas, Rang Undang-undang Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1993 ini menyerapkan falsafah terkini di mana tanggungjawab utama bagi keselamatan dan kesihatan di tempat kerja terletak di atas mereka yang menimbulkan risiko dan kepada mereka yang bekerja dengan risiko tersebut. Ini bermakna, pihak

majikan bertanggungjawab menyediakan tempat kerja dan cara bekerja yang selamat dan sihat kepada pekerja-pekerjanya. Pihak pekerja pula bertanggungjawab untuk bekerja dengan selamat dan memberi kerjasama yang erat kepada majikan berhubung dengan perkara-perkara berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan di tempat bekerja.

Selain dari itu, Rang Undang-undang ini telah digubal berpandukan prinsip-prinsip self-regulation, dengan izin, menggalakkan kerjasama di antara majikan dan pekerja; dan perundingan di antara Kerajaan, majikan dan pekerja di peringkat kebangsaan. Bidangkuasa Akta ini meliputi semua sektor ekonomi termasuk sektor swasta dan awam kecuali pekerjaan di atas kapal yang di bawah bidangkuasa Merchant Shipping Ordinance 1952, Merchant Shipping Ordinance 1990 of Sabah/Sarawak dan Perkhidmatan Tentera.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1993 mengandungi 15 Bahagian.

Bahagian I antara lain menerangkan pemakaian Akta dan takrif perkataan-perkataan yang digunakan.

Bahagian II memperuntukkan perlantikan Ketua Pengarah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan pegawai-pegawai lain yang dilantik oleh Menteri Sumber Manusia.

Bahagian III memperuntukkan Penubuhan Majlis Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan, komposisi Malis, fungsi dan kuasa-kuasa Majlis. Majlis ini akan mendapat khidmat Setiausaha yang dilantik dari Pejabat Ketua Pengarah.

Bahagian IV, V dan VI menerangkan tugas-tugas am atau, dengan izin, general duties bagi majikan, pembuat, pereka, pembekal, orang bekerja sendiri dan pekerja.

Bahagian VII menerangkan peruntukan bagi pengawasan perubatan untuk pekerja-pekerja, perlantikan pegawai keselamatan dan kesihatan di tempat kerja, penubuhan jawatankuasa keselamatan dan kesihatan di tempat kerja serta fungsi jawatankuasa itu.

Bahagian VIII menjelaskan berkenaan tanggungjawab melaporkan kemalangan, kejadian merbahaya, keracunan, penyakit perusahaan dan peruntukan mengadakan siasatan atau, dengan izin, inquiry.

Bahagian IX menjelaskan peruntukan melarang kegunaan loji atau bahan di mana kuasa diberi kepada ketua Pengarah untuk berbuat demikian.

Bahagian X menerangkan kegunaan kod amalan industri dalam konteks Akta ini.

Bahagian XI menerangkan kuasa-kuasa untuk menguatkuasakan Akta serta kuasa menjalankan penyiasatan.

Bahagian XII menerangkan berkenaan dengan tanggungan ke atas kesalahan di bawah Akta di mana orang-orang persendirian atau badan korporat atau kesatuan sekerja boleh didakwa di mahkamah.

Bahagian XIII memperuntukkan cara rayuan.

Bahagian XIV memberi kuasa kepada Menteri membuat peraturan-peraturan.

Bahagian XV menerangkan tanggungjawab pegawai-pegawai penguatkuasa supaya menjaga rahsia-rahsia pembuatan

atau komersil yang diperolehi semasa menjalankan tugas-tugas mereka di bawah Akta.

Secara umumnya, kesalahan di bawah Akta jika didapati bersabit, boleh dihukum denda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Di samping itu juga, ketua-ketua jabatan di sektor awam yang didapati cuai dalam menjalankan tanggungjawab, boleh dikenakan tindakan tatatertib. Maka pegawai-pegawai Kerajaan juga diwajibkan untuk memastikan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

Tuan Yang di-Pertua, dengan perkembangan teknologi dan perkilangan yang pesat, pekerja-pekerja kita terpaksa berhadapan dengan risiko bahaya pekerjaan. Bukan sahaja jenis serta peringkat bahaya bertambah, malah jenis dan peringkat bahaya tersebut turut juga berubah-ubah dari satu tempat kerja dengan tempat kerja yang lain, diikuti pula dengan kadar pertumbuhan yang cepat. Tanpa adanya satu kawalan yang berkesan ke atas aspek-aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja, maka dibimbangi banyak lagi kemalangan-kemalangan serius yang mungkin akan berlaku dan ramai pula pekerja-pekerja kita mengidap berbagai penyakit perusahaan. Kajian-kajian ini perlu dibendung supaya matlamat Kerajaan mencapai Wawasan 2020 menjadi kenyataan.

Rang Undang-undang Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1993 ini berkeupayaan menjadi asas kepada kegiatan-kegiatan yang proaktif untuk mengurangkan kejadian kemalangan dan penyakit perusahaan dan mampu menjadi penggerak kepada pembentukan satu

budaya kerja yang selamat dan sihat di kalangan pekerja Malaysia. Untuk memastikan Akta ini dilaksanakan secara efektif, Kerajaan bercadang untuk menukarkan nama Jabatan Kilang dan Jentera kepada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja.

Di samping itu, Kerajaan akan menambah juga bilangan kakitangan bagi menangani keperluan beban kerja yang bertambah. Ini menunjukkan komitmen Kerajaan terhadap pelaksanaan Akta ini. Terlebih dari itu, semua pihak iaitu Kerajaan, majikan dan pekerja mempunyai tanggungjawab yang berat untuk memastikan setiap orang yang keluar untuk bekerja selamat pulang ke pangkuan keluarga. Kejayaan pelaksanaan Akta ini bergantung kepada kerjasama dari segi prinsip tripartisme.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk membuat peruntukan lanjut bagi memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang-orang yang sedang berkerja, bagi melindungi orang lain terhadap risiko kepada keselamatan atau kesihatan berkaitan dengan aktiviti orang-orang yang sedang berkerja, untuk menubuhkan Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, dan bagi perkara yang berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Dr. Ng Yen Yen.

4.23 ptg.

Dr. Ng Yen Yen: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya dengan penuh hormat menjunjung kasih ke atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong bagi mempersetujui perlantikan saya ke Dewan Negara yang mulia ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamed, Perdana Menteri yang kita kasihi dan Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, Presiden MCA.

Ucapan terima kasih saya juga ditujukan kepada Yang Berhormat Dato' Lim Ah Lek, Menteri Sumber Manusia selaku Pengerusi MCA Negeri Pahang yang sentiasa memberi galakan dan sokongan kepada saya. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Dewan Undangan Negeri Pahang yang sudi mencalonkan perlantikan saya terutama Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Tan Sri Haji Mohd. Khalil bin Yaakob.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, Ahli-Ahli Dewan Negara kerana telah memberi sambutan yang mesra kepada saya untuk menyertai Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Saya merasa amat bangga dan sudah tentu perlantikan ini akan menjadi sumber dorongan kepada saya untuk terus berkhidmat dengan penuh semangat dan dedikasi demi memaju dan membangunkan tanahair yang kita cintai. Saya berjanji akan memberi sumbangan dan khidmat bakti kepada bangsa dan negara dengan penuh dedikasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Sumber Manusia kerana telah mengambil inisiatif menggubal Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1993 yang begitu menyeluruh. Akta ini telah mengambil-kira pengalaman dari beberapa buah negara maju yang telah melaksanakan Akta seperti ini.

Semasa ekonomi negara kita pesat membangun dan menuju menjadi sebuah negara perindustrian, hal ehwal keselamatan dan kesihatan pekerja kian bertambah penting. Kerajaan mengambil berat dalam soal keselamatan pekerja-pekerja adalah dipuji.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan ekonomi yang pesat di semua sektor, terutama di sektor perindustrian, sudah tentu akan meningkatkan bilangan pekerja terdedah kepada lebih banyak jenis bahaya pekerjaan. Sekiranya tindakan awal tidak diambil untuk menghalang dan menyekat pertambahan kemalangan di tempat kerja, dalam jangka masa panjang dia akan menjadi halangan dalam usaha kita mencapai matlamat Wawasan 2020, iaitu menjadikan negara kita sebuah negara maju.

Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengemukakan beberapa masalah keselamatan pekerjaan yang perlu diberi perhatian. Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sekarang mempunyai pekerja melebihi 7 juta orang di 600,000 tempat-tempat pekerjaan, di mana daripada lebih 60% pekerja ini bekerja di syarikat-syarikat kecil dengan pekerja yang kurang dari 20 pekerja. Kilang-kilang atau syarikat-syarikat seperti ini merupakan tempat pekerjaan yang amat berbahaya kerana mereka kurang diberi

pendedahan tentang kepentingan aspek-aspek keselamatan dan kesihatan tempat pekerjaan. Mereka juga tidak diberi latihan keselamatan. Mereka juga merupakan kumpulan-kumpulan yang agak sukar diberi maklumat-maklumat tersebut. Tambahan pula, majikan mereka dari syarikat-syarikat tersebut juga kurang mengambil berat tentang kemalangan dan kesihatan pekerja mereka.

Saya sangat tertarik dengan cadangan Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan 1993 ini di mana ia digubal berpandu kepada prinsip-prinsip "self-regulations", dengan izin, iaitu mengalakkan kerjasama antara majikan dengan pekerja serta perundingan di antara Kerajaan, majikan dan pekerja untuk memastikan keselamatan pekerja terjamin.

Rang Undang-undang ini juga memastikan syarikat-syarikat yang mempunyai 40 orang pekerja ke atas perlu menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan di tempat kerja untuk memastikan kawalan yang berkesan ke atas aspek-aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Ini merupakan satu langkah yang berkesan di mana ahli-ahli Jawatankuasa Badan Keselamatan ini yang terdiri dari pekerja dan wakil-wakil majikan, bersama-sama dapat meningkatkan keadaan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja masing-masing. Berpandu kepada data struktur bilangan pekerja kita, di mana lebih ramai pekerja berada di kilang-kilang kecil dengan pekerja-pekerja tidak melebihi 20 orang, maka kita juga perlu menggalakkan penubuhan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, agar "self-regulations", dengan izin, di tempat-tempat kerja yang kurang dari 20 orang pekerja ini dapat dipraktikkan. Ini adalah amat penting.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat lebih kurang 90% penyelia ataupun dengan izin, supervisors dan pekerja di negara kita sekarang tidak mempunyai apa-apa pendedahan ataupun pendidikan berhubung dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Ini adalah kerana subjek-subjek berkenaan memang tidak diajar di bilik-bilik darjah ataupun di tempat-tempat latihan dan institusi pendidikan di negara kita mahupun di sekolah-sekolah vokasional. Subjek-subjek ini juga tidak terdapat dalam kurikulum di dalam universiti-universiti di Malaysia, begitu juga di institusi kejuruteraan atau perdagangan.

Oleh itu dengan adanya Akta ini, saya yakin lebih ramai majikan dan pekerja akan mengambil berat tentang masalah keselamatan dan kesihatan mereka di tempat kerja. Ini akan menggalakkan mereka untuk membaca dan mengambil tahu tentang isu-isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Pihak industri tidak seharusnya menganggap penggubalan Akta dan Peraturan-peraturan untuk meningkatkan kesihatan pekerja mereka sebagai batu penghalang untuk perkembangan industri mereka, -di mana mereka perlu melihat dari aspek secara positif.

Penggubalan Akta ini bukan hanya melindungi keselamatan dan kesihatan pekerja, malah juga dapat melindungi kesihatan asas pekerja iaitu, i.e. 'the development of human resources', dengan izin, dan seterusnya meningkatkan produktiviti serta kualiti industri.

Tuan Yang di-Pertua, di negara kita terdapat kurang jurulatih-jurulatih, tempat-tempat latihan dan juga kurikulum yang sempurna untuk menangani dan meningkatkan kesedaran individu tentang pentingnya masalah keselamatan dan

kesihatan di tempat pekerjaan. Tanpa kemudahan latihan yang sempurna untuk meningkatkan pengetahuan para pekerja kita di negara ini tentang pentingnya keselamatan pekerjaan, ia adalah agak sukar untuk kita melaksanakan Akta Keselamatan dan Kesihatan di tempat kerja masing-masing. Berpandu kepada data struktur bilangan pekerja kita di mana lebih ramai pekerja berada di kilang-kilang kecil dengan pekerja-pekerja tidak melebihi 20 orang, maka kita juga perlu menggalakkan penubuhan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan agar self-regulations, dengan izin, di tempat-tempat kerja yang kurang daripada 20 pekerja ini dapat dipraktikkan. Ini adalah amat penting.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat lebih kurang 90% penyelia ataupun supervisors, dengan izin, dan pekerja di negara kita sekarang tidak mempunyai apa-apa pendedahan ataupun pendidikan berhubung dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Ini adalah kerana "subjects" berkenaan memang tidak diajar di bilik-bilik darjah ataupun di tempat-tempat latihan dan institusi pendidikan di negara kita mahupun di sekolah-sekolah vokasional. 'Subjects' ini juga tidak terdapat dalam kurikulum universiti-universiti di Malaysia, di institusi kejuruteraan atau perdagangan.

Oleh itu, dengan adanya Akta ini, saya yakin lebih ramai majikan dan pekerja akan mengambil berat tentang masalah keselamatan dan kesihatan mereka di tempat kerja. Ini akan menggalakkan mereka untuk membaca dan mengambil tahu tentang isu-isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Pihak industri tidak seharusnya menganggap penggubalan Akta serta Peraturan-peraturan untuk meningkatkan kesihatan pekerja mereka

sebagai batu penghalang untuk perkembangan industri mereka. Tetapi mereka perlu melihat dari aspek secara positif. Penggubalan Akta ini bukan hanya melindungi keselamatan dan kesihatan pekerja, malah ia juga dapat melindungi kesihatan asasnya, iaitu pekerja i.e. the development of human resources, dengan izin. Seharusnya meningkatkan produktiviti serta kualiti industri.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerikan mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, negara kita terdapat kurang jurulatih-jurulatih, tempat-tempat latihan dan juga kurikulum yang sempurna untuk menangani dan meningkatkan kesedaran individu tentang...

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Dr. Ng Yen Yen:tentang pentingnya masalah keselamatan dan kesihatan di tempat pekerjaan. Tanpa kemudahan latihan yang sempurna untuk meningkatkan pengetahuan para pekerja kita di negara ini tentang pentingnya keselamatan pekerjaan, ia adalah agak sukar untuk kita melaksanakan Akta Keselamatan dan Kesihatan di tempat pekerjaan secara menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan Akta ini dilaksanakan secara efektif, Kerajaan perlu memperkukuhkan dan memperkuat Pasukan Penguatkuasa Jabatan Kilang dan Jentera di bawah Kementerian Sumber Manusia. Saya berharap Pasukan Penguatkuasa ini bukan sahaja semata-mata menjalankan kerja penguatkuasa tetapi perlu juga melaksanakan aktiviti-aktiviti lain seperti memberi latihan dan pendidikan agar

meningkatkan kesedaran para pekerja tentang pentingnya keselamatan dan kesihatan pekerja. Dengan adanya khidmat nasihat daripada kakitangan Kerajaan, kita dapat menggalakkan para majikan dan pekerja mengetahui undang-undang yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, kurangnya maklumat berhubung dengan cara-cara pengendalian bahan kimia dan bahan yang merbahaya akan menyebabkan majikan dan para pekerja menghadapi masalah besar. Di negara kita, masih terdapat kurang "research and development" (R&D) yang meluas dalam aspek kesihatan dan keselamatan pekerjaan. Pada masa sekarang tidak ada badan-badan ataupun pertubuhan yang dapat mereka meminta bantuan untuk menyelesaikan masalah keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja mereka kecuali Jabatan Kilang dan Jentera di bawah Kementerian Sumber Manusia dan unit kesihatan pekerjaan di bawah Kementerian Kesihatan. Dengan ini kita boleh membuat kesimpulan bahawa sekiranya kita tidak dapat meningkatkan pengetahuan majikan dan pekerja tentang pentingnya kesihatan pekerjaan, kita juga tidak dapat menukar sikap dan amalan mereka. Dengan itu memang sukarlah untuk Kerajaan meningkatkan keselamatan dan Kesihatan di tempat-tempat kerja. Maka apakah tindakan dan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menangani masalah ini?

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pendidikan dan latihan para pekerja tentang pentingnya kesihatan dan keselamatan pekerja, ia perlu dijadikan satu keutamaan dalam agenda sesuatu syarikat tersebut. Dalam hal ini saya ingin menegaskan bahawa majikan-majikan tidak seharusnya mendiskri-

minasakan para pekerja wanita dari mendapat pendedahan dan latihan tersebut.

Wanita di tempat-tempat kerja sering diabaikan dari segi kesihatan dan keselamatan mereka kerana mungkin mereka diberikan kerja yang lebih rendah pentingnya di pejabat-pejabat. Saya tidak bersetuju sama sekali dengan pandangan ini. Dalam dekad 90-an, lebih ramai wanita telah berkecimpung dalam industri perkilangan dan industri berat di makmal-makmal kajian dan sebagainya. Mereka juga menerima pendedahan bahaya pekerjaan yang sama dengan kaum lelaki yang lain. Oleh itu, peluang pekerjaan yang sama perlu diberikan kepada semua pekerja tanpa mengira jantina. Saya ingin mengalu-alukan Kerajaan agar dapat meletakkan seorang wanita sebagai ahli daiam Majlis Keselamatan dan Kesihatan Kebangsaan. Peruntukan ini adalah bagi memastikan kaum wanita diwakili dalam majlis itu di peringkat Kebangsaan. Perlantikan ini akan membolehkan beliau mewakili pekerja-pekerja wanita yang mungkin mempunyai masalah yang unik dalam tempat-tempat pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan di sini mengucapkan syabas dan tahniah kepada Menteri Sumber Manusia kerana dalam tempoh dua, tiga tahun kebelakangan ini beliau telah berjaya menonjolkan kesedaran tentang pentingnya pihak Kerajaan, majikan dan para pekerja mengambil berat dalam soal keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat-tempat kerja. Pada masa dahulu, majikan-majikan berpendapat bahawa soal keselamatan dan kesihatan pekerja adalah tanggungjawab Kerajaan semata-mata dan mereka hanya akan menjalankan kerja-kerja mencegah keselamatan apabila diarahkan oleh Kerajaan.

Sekiranya tidak mendapat apa-apa arahan daripada Kerajaan, maka soal keselamatan dan kesihatan akan ditinggalkan begitu sahaja. Mereka juga menganggap bahawa perbelanjaan ke atas kerja-kerja mencegah keselamatan dan kesihatan adalah tidak mendatangkan apa-apa manfaat.

Tetapi sekarang Yang Berhormat Menteri sering menegur pihak-pihak majikan dan pekerja bahawa tanggungjawab utama bagi keselamatan dan kesihatan di tempat kerja terletak di atas mereka yang menimbulkan risiko dan kepada mereka yang berkerja dengan risiko tersebut. Ini bermakna, to ensure safety and health in any work place lies with those who create the risk and those who work with the risk, dengan izin. Pihak majikan perlu bertanggungjawab mengadakan tempat kerja dan cara bekerja yang lebih selamat dan sihat kepada pekerja-pekerja. Pihak pekerja pula bertanggungjawab untuk bekerja dengan selamat dan memberi kerjasama yang erat kepada majikan berhubung dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan di tempat kerja telah menyebabkan falsafah tersebut di atas di mana tanggungjawab utama bagi keselamatan dan kesihatan di tempat kerja terletak di atas mereka yang menimbulkan risiko dan kepada yang bekerja dengan risiko tersebut. Akta ini juga telah menyerapkan tanggungjawab majikan, pekerja, pengilang, pemborong, perekabentuk, pekerja sendiri dan sebagainya. Saya berharap Akta ini dapat memupuk satu suasana bekerja yang selamat dan sihat di dekad 90-an ini, that is to create a caring and a healthy Malaysian work ethics and culture as

we work towards the 21st century, towards Wawasan 2020, dengan izin. Untuk membangunkan budaya kerja yang selamat ini, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1993 merupakan satu akta penting kepada semua pihak dan adalah diharapkan semua pihak yang berkaitan akan dapat mengetahui tugas-tugas yang tersebut di dalam Akta ini.

Dengan kata-kata ini, saya dengan sukacitanya menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1993.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Munisamy.

4.39 *ptg.*

Tuan K. Munisamy: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1993. Jika tidak salah, inilah kali pertama pihak majikan dan pihak pekerja bekerjasama secara terbuka untuk menjamin keselamatan dan kesihatan di tempat bekerja. Saya juga memerhatikan bahawa sejauh mana yang boleh kemungkinan kelemahan-kelemahan yang terwujud telah dielakkan dengan terbentuknya Akta ini. Begitu juga kuasa yang diberikan kepada pegawai keselamatan adalah cukup kuat untuk menentukan bahawa penguatkuasaan undang-undang ini adalah berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang Fasal 66 mengenai peraturan-peraturan. Pada suatu masa dahulu, saya memerhatikan bahawa isu penggunaan ubat racun iaitu paraquat telah dibincangkan di Parlimen. Akhirnya, Kementerian Kesihatan telah cuba mengharamkan ubat itu, tetapi ianya melibatkan Kementerian Pertanian juga.

Oleh itu, siapakah mempunyai hak dan kuasa muktamad dalam mengharamkan sesuatu barang merbahaya. Pekerja-pekerja ini tidak berapa pasti mengenai Akta ini kerana ianya melibatkan dua atau lebih Kementerian untuk menangani masalah seperti ubat racun paraquat.

Saya juga takut bahawa jika sesuatu benda itu diharamkan sebab ianya didapati merbahaya, ada kemungkinan seorang boleh gunakan benda itu di atas nama lain. Misalnya, apabila ubat paraquat dipersoalkan, pihak majikan telah menggunakan ubat "Round-up" yang hampir sama dengan paraquat. Oleh itu, Kementerian mesti menentukan bahawa nama isi kandungan sesuatu barang yang diharamkan itu mesti disebutkan sebagai barang yang diharamkan dan bukannya nama 'trade brand', dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Kementerian Kesihatan cuba melarang merokok di tempat-tempat awam, Kementerian tersebut tidak dapat berjaya dengan sepenuhnya sebab tempat-tempat awam itu melibatkan beberapa Kementerian. Misalnya, panggung wayang - di bawah Kerajaan Tempatan; dan teksi atau bas awam - di bawah Kementerian Pengangkutan. Saya takut bahawa situasi yang serupa boleh berulang dalam menguatkuasakan Akta ini nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang pekerja asing.

Yang pertama, bidang pembuatan sedang membawa hasil yang begitu besar kepada negara kita, Bidang ini mempunyai beberapa ratus ribu pekerja asing. Adakah pekerja asing juga diliputi dalam Akta ini? Jika tidak, saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada pihak Kementerian mengenai hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua, Jadual Pertama Akta ini telah memberi senarai bidang-bidang di mana Akta ini akan dikuatkuasakan. Senarai ini mengandungi bidang pertanian. Saya harap pekerja-pekerja daripada ladang-ladang juga diliputi dalam Akta ini - saya tidak berapa pasti sama ada Akta ini juga meliputi mereka - sebab ladang-ladang juga termasuk di bawah pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perlantikan anggota keahlian Majlis Negara, saya rujuk kepada Fasal 9(l)(d), yang mengatakan bahawa "..... sekurang-kurangnya seorang hendaklah wanita.....". Saya ingin tahu apakah alasannya "wanita" yang ditegaskan di dalam Council ini. Saya harap Yang Berhormat memberi sedikit keterangan di atas perkara ini.

Akhirnya, saya merayu kepada Kementerian berkenaan agar mengambil satu tindakan supaya menyampaikan Akta ini kepada pihak-pihak yang tertentu untuk mendapatkan keterangan.

Akhir sekali, saya monyokong Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1993. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dr. Toh Kin Woon.

4.45 ptg.

Dr. Toh Kin Woon: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang baru sahaja dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini oleh kerana apa jua undang-undang yang ada

setakat ini iaitu sebelum berkuatkuasanya Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang baru ini adalah tidak memadai.

Yang pertama, Akta Kilang dan Jentera 1967 hanya meliputi kilang-kilang dan jentera-jentera sahaja, tetapi ia telah mengabaikan pendedahan para pekerja kepada bahan kimia yang merbahaya dan racun. Ini adalah agak aneh memandangkan kepada hakikat bahawa bahan-bahan kimia makin banyak digunakan di tempat-tempat kerja dan justeru itu makin mengancam kesihatan para pekerja.

Industri elektronik yang telah berkembang begitu pesat sekali di negara ini merupakan suatu industri intensif kimia. Pekerja-pekerja elektronik didedahkan kepada lebih daripada 100 bahan-bahan kimia yang boleh mengakibatkan berbagai-bagai penyakit dari yang kurang serius hingga kepada yang lebih serius.

Yang kedua, tidak semua pekerja diberikan perlindungan Akta, iaitu Akta Kilang dan Jentera hanya memper-
lindungi 23% daripada jumlah tenaga kerja. Ianya tidak meliputi pekerja-pekerja di sektor-sektor pertanian, pembalakan, perikanan, ternakan, pengangkutan, kemudahan awam, perdagangan dan perkhidmatan awam.

Ini bererti, Akta Kilang dan Jentera tidak memberi perlindungan kepada hampir 77% daripada jumlah tenaga kerja. Kerajaan telah menggubalkan peraturan-peraturan di bawah Akta Kilang dan Jentera ini bagi mengawal pendedahan kepada plumbum, asbestos, bising dan habuk galian. Namun demikian, peraturan-peraturan ini adalah agak lemah dan piawai-piawai yang

ditetapkan tidak memberi perlindungan yang memadai kepada para pekerja. Umpamanya, peraturan-peraturan Proses Asbestos, 1986 tidak merangkumi pekerja-pekerja pembinaan.

Pada hemat saya ini merupakan suatu pengecualian yang agak serius, memandangkan kepada hakikat bahawa penyakit asbestos sering menimpa pekerja-pekerja pembinaan. Begitu juga dengan Peraturan-peraturan Pendedahan Bising 1989 di mana piawaian-piawaian yang ditetapkan masih mendedahkan para pekerja kepada paras kebisingan yang agak tinggi. Oleh kerana peraturan-peraturan sedia ada tidak cukup ketat, maka biiangan kemalangan industri yang dilaporkan di Malaysia telah meningkat daripada 65,598 pada tahun 1981 kepada 124,008 pada tahun 1990. Yang agak serius lagi dan ini juga telah pun disahkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri semalam, jumlah kecederaan yang berlaku di kalangan para pekerja mungkin akan mengakibatkan kerugian ekonomi sebanyak RM2 bilion pada tahun ini berbanding dengan RMI.16 bilion pada tahun 1988 iaitu suatu peningkatan hampir 100%. Anggaran ini tidak termasuk lagi kerugian akibat penyakit-penyakit pekerjaan ataupun ketidakhadiran di tempat kerja.

Maka di bawah keadaan masa kini yang kurang memuaskan ini, Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini amat kena pada masanya. Suatu kajian mengenai Rang Undang-undang yang baru ini menunjukkan terdapat beberapa peruntukan di dalamnya yang mengatasi undang-undang sekarang.

Yang pertama, Rang Undang-undang baru adalah jauh lebih komprehensif

berbanding dengan Akta Kilang dan Jentera 1967 oleh kerana ianya meliputi para pekerja di semua sektor termasuk pertanian, perhutanan, perikanan, perlombongan, kuari dan kemudahan awam. ini merupakan suatu kemajuan yang besar, oleh kerana di sektor-sektor pertanian dan perhutananlah terdapatnya insidens kemalangan dan kematian yang paling tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, kewajipan menyediakan suatu persekitaran kerja yang selamat tidak hanya perlu dilakukan oleh pihak majikan sahaja, tetapi juga oleh orang-orang self-employed, dengan izin, dan juga kontraktor-kontraktor yang bebas. Ini bererti selepas berkuatkuasanya Rang Undang-undang bari ini, pihak majikan tidak dapat melepaskan diri daripada 'liability' atau tanggungan melalui mengikatkan kontrak kecil untuk kerja-kerja bahaya dengan kontraktor-kontraktor bebas.

Yang ketiga, Rang Undang-undang baru juga mewajibkan para majikan mengendalikan operasi mereka mengikut kaedah yang selamat dan tidak setakat membahayakan kesihatan mereka yang bukan pekerja-pekerja mereka. Ini bererti orang ramai yang kesihatan mereka mungkin dijejaskan oleh operasi sesuatu industri tertentu juga diberikan perlindungan di bawah Rang Undang-undang baru ini. Pihak majikan juga perlu membekalkan maklumat kepada orang ramai tentang bentuk operasinya, jika operasi ini didapati boleh menjejaskan kesihatan mereka.

Walaupun ini merupakan satu langkah yang baik, Tuan Yang di-Pertua, namun ianya harus lebih khusus, iaitu pihak majikan harus diwajibkan memaklumkan kepada penduduk-penduduk yang tinggal

berhampiran dengan tempat operasi mereka akan jenis dan kuantiti setiap bahan yang dibebaskan ke udara, air dan tanah, termasuk bahan buangan pepejal.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Rang Undang-undang baru ini adalah jauh lebih baik daripada undang-undang sedia ada, namun masih adanya beberapa kelemahan, pada pendapat saya. Saya ingin mengemukakan kelemahan-kelemahan ini dengan harapan bahawa ianya akan diambil kira untuk memperbaiki Rang Undang-undang baru ini pada masa depan.

Yang pertama, sungguhpun Rang Undang-undang baru mewajibkan para majikan menyediakan satu persekitaran kerja yang selamat supaya dapat memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan para pekerja, namun banyak peruntukan di dalam Rang Undang-undang baru ini masih mempunyai syarat sejak setakat yang praktik atau, dengan izin, as far as is practicable. Dalam mendefinisikan perkataan setakat yang praktik, faktor-faktor berikut akan diambil kira:

- (d) darjah keterukan bahaya atau risiko yang dihadapi;
- (b) kedudukan maklumat tentang bahaya atau risiko yang dihadapi dan sama ada atau tidak kaedah menyingkirkan atau meringankan bahaya atau risiko;
- (c) adanya atau tidak serta kesesuaian kaedah-kaedah menyingkirkan atau meringankan bahaya atau risiko; dan
- (d) kos menyingkirkan atau meringankan bahaya atau risiko.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya bimbang ialah interpretasi yang sebegitu luas dan subjektif tentang 'setakat yang praktik' akan memberikan peluang-peluang kepada pihak majikan melepaskan diri mereka daripada kewajipan mereka.

Yang kedua, Rang Undang-undang baru mempunyai peruntukan bagi penubuhan atau Majlis Negara Bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Tujuan Majlis ini ditubuhkan ialah hendak memupuk suatu hubungan perundingan dan kerjasama antara pengurusan dan pekerja mengenai keselamatan, kesihatan dan kebajikan para pekerja. Jika ini adalah matlamatnya, maka penubuhan Majlis ini harus disambut baik dan dialu-alukan oleh semua pihak.

Tetapi yang penting, Tuan Yang di-Pertua, kepentingan para pekerjalah yang mesti dipertahankan. Untuk memastikan ini, lebih ramai wakil-wakil yang mewakili pertubuhan-pertubuhan awam yang bebas dan organisasi-organisasi bukan Kerajaan (NGOs) harus dipelawa menyertai Majlis ini.

Yang ketiga, terdapatnya sesuatu yang ketinggalan dari Rang Undang-undang baru yang harus diperbetulkan, iaitu Majlis mesti diberikan kuasa untuk menjalankan kajian sama ada oleh Majlis itu sendiri ataupun oleh badan-badan di luar bagi menjalankan kajian mengenai kesihatan dan keselamatan para pekerja. Buat masa ini, salah satu masalah besar ialah kekurangan maklumat mengenai kesihatan dan kebajikan para pekerja, khasnya maklumat mengenai masalah-masalah kesihatan pekerjaan, sebab-sebabnya dan tempat-tempat di mana ianya berlaku.

Suatu penyimpanan rekod yang baik dan lengkap adalah perlu sebelum langkah-langkah pencegahan dapat dilaksanakan dengan berjaya. Apabila kita mengkaji statistik yang disediakan oleh PERKESO atau SOCSO, kita dapati terdapat maklumat yang kurang terhadap penyakit-penyakit pekerjaan. Umpamanya, Laporan Tahunan PERKESO bagi tahun 1991 hanya menyebutkan tentang bilangan kes yang dilaporkan, dan kebanyakan di antaranya adalah berkait dengan dermatosis, khasnya di kalangan para pekerja yang melibatkan diri dalam pembalakan dan kilang papan di Sarawak.

Yang keempat, mengikut Fasal 6 Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1993, Ketua Pengarah boleh, sebagaimana yang difikirkannya patut, melantik seseorang atau sesuatu badan pemeriksaan bebas daripada mana-mana industri untuk menasihati atau membantunya dalam menjalankan tujuan-tujuan dan maksud-maksud Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya adalah lebih munasabah sekiranya orang-orang yang bukan dari industri dilantik menasihati atau membantu Ketua Pengarah dalam menjalankan tujuan-tujuan dan maksud-maksud Akta ini. Umpamanya, pakar-pakar perunding kesihatan industri (industrial hygiene consultants), dengan izin, termasuk ahli-ahli akademik boleh dijemput untuk membantu Ketua Pengarah menjalankan tugas-tugasnya. Kita tidak harus menyerahkan tugas memaju dan memperlindungi kesihatan pekerjaan di negara ini kepada orang-orang dari industri, kerana ini mungkin menimbulkan masalah percanggahan kepentingan.

Yang kelima, Rang Undang-undang juga memperuhtukkan bahawa pekilang-

pekilang, pengimport-pengimport atau penawar-penawar sebarang loji atau bahan untuk kegunaan di tempat kerja mesti memastikan bahawa loji atau bahan ini adalah selamat dan tidak menimbulkan apa jua risiko kepada kesihatan apabila digunakan dengan sewajarnya. Sekali lagi kenyataan 'setakat yang praktik' digunakan dan mungkin disalahgunakan. Apa yang diperlukan, khususnya bagi pekilang-pekilang, penawar-penawar, pengimport-pengimport dan majikan-majikan memperoleh dan membekalkan data-data yang lengkap mengenai kandungan kimia dan darjah bahayanya, dan kemudian melekatkan label-label amaran ke atas takung-takung yang mengandungi bahan bahaya yang digunakan di tempat kerja.

Yang keenam, Tuan Yang di-Pertua. Yang agak membimbangkan ialah penentuan-peruntukan yang mengenakan penalti ke atas para pekerja dan kesatuan sekerja sekiranya mereka tidak mematuhi Rang Undang-undang ini. Kita harus mengakui bahawa seringkali pihak majikanlah yang mengawal keadaan proses-proses kerja. Justeru itu, mengenakan penalti ke atas para pekerja mungkin tidak begitu adil dan boleh disalahgunakan. Sudah tentu mereka tidak harus dihadapkan di mahkamah untuk proses-proses kerja yang adalah di luar batas kawalan mereka.

Saya rasa kalau Kerajaan ingin memperbaiki kesihatan dan keselamatan para pekerja, cara yang lebih berkesan ialah melalui pendidikan dan penyertaan para pekerja di dalam proses membuat keputusan dan bukan setakat mengenakan denda ke atas mereka. Oleh sebab itu, saya mencadangkan penalti untuk para pekerja atau Kesatuan Sekerja dikeluarkan daripada Rang Undang-undang ini.

Yang ketujuh, Rang Undang-undang yang baru ini telah melonggarkan peruntukan berkait dengan penubuhan Jawatankuasa-Jawatankuasa Keselamatan di tempat kerja. Mula-mula adalah dicadangkan supaya sebuah Jawatankuasa Keselamatan ditubuhkan di tempat kerja yang mempunyai 20 atau lebih pekerja, tetapi kini Jawatankuasa ini hanya perlu ditubuhkan di tempat-tempat kerja yang mempunyai lebih daripada 40 orang pekerja. Jika keselamatan dan kesihatan para pekerja adalah penting, maka saya mencadangkan supaya peruntukan berkenaan harus dipinda supaya harus diaplikasikan kepada syarikat-syarikat yang mengambil 20 atau lebih ramai pekerja, memandangkan kepada hakikat bahawa syarikat-syarikat inilah yang menganggotai peratus yang paling tinggi di antara syarikat-syarikat di negara ini.

Akhiraya, walaupun Rang Undang-undang ini merupakan suatu Rang Undang-undang yang lebih baik, namun keberkesanannya adalah terbatas jika sekiranya agensi penguatkuasaan tidak diberikan segala sumber-sumber dan tenaga kerja untuk menangkap pihak majikan yang bersalah. Jadi, di sini saya ingin mengesyorkan supaya Rang Undang-undang ini dikuatkuasakan dengan ketat.

Sekian sahaja. Saya sekali lagi mengulangi sokongan saya kepada Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, 1993. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Hassan.

5.02 *ptg.*

Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali:
Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Tuan Yang

di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1993.

Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian berkenaan yang telah berjaya mengemukakan Rang Undang-undang ini yang mana telah menampakkan bahawa Kerajaan begitu bersungguh-sungguh untuk membela nasib para pekerja dan ingin melihat majikan juga bertanggungjawab di atas apa-apa perkara yang dijalankan.

Ini telah menunjukkan bahawa Kerajaan begitu prihatin di dalam masalah yang dihadapi. Syabas saya ucapkan. Dengan Rang Undang-undang ini akan memberi tanggungjawab bersama antara Kerajaan iaitu Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, majikan dan juga para pekerja yang mana ketiga-tiga ini tidak dapat dipisah atau diasingkan demi untuk menjayakan penghidupan ketiga-tiganya sekali. Dengan wujudnya Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja ini akan dapat menyelesaikan beberapa masalah, bukan dapat menyelesaikan kesemua masalah, akan tetapi akan dapat menyelesaikan beberapa masalah yang sering dihadapi oleh majikan dan para pekerjanya. Tetapi hendaklah kita ingat bahawa dengan wujudnya Jabatan ini nanti, jangan pula Jabatan ini dan para pegawainya menjadi alat kepada majikan dengan tidak mengambil berat atau mengambil tahu tentang masalah yang dihadapi oleh pekerja. Ini perlu, kerana kadangkala perkara ini dialukan.

Kita kena faham dan sedar bahawa mana-mana industri atau kilang, unsur yang utama yang difikirkan oleh pihak majikan ialah tentang keuntungan dan masalah kebajikan, kesihatan dan

keselamatan pekerja merupakan senarai yang akhir. Sekiranya terdapat apa-apa kemalangan yang dipersalahkan ialah para pekerja, walaupun kecuaiannya itu, ketidakjanaan permasalahan adalah daripada majikan itu sendiri, akan tetapi kesalahan adalah diletakkan ke atas para pekerja.

Inilah suatu perkara yang perlu kita fikirkan dan hendaklah kita seboleh-bolehnya melantik para pegawai yang mempunyai perasaan penuh tanggungjawab dan berminat di dalam sesuatu pekerjaan. Itu amat perlu sekali. Latihan-latihan dan taklimat-taklimat bagi mencegah kemalangan amat perlu dari masa ke semasa. Jangan hanya diadakannya 'kadang-kadang' sahaja, kerana ia akan menyebabkan usaha-usaha untuk menghindarkan kemalangan dan cara mengatasinya dilupakan oleh para majikan dan para pekerja sekiranya berlaku sesuatu masalah. Umpamanya, apabila berlaku sesuatu yang menyebabkan majikan dan para pekerja hilang akal dan tidak dapat bertindak untuk mencegahnya, ini adalah disebabkan latihan dan taktimat ini diadakan "kadang-kadang" sahaja. Maka adalah elok dikerapkalikan supaya dapat dihindarkan tragedi yang pernah berlaku di masa-masa yang lalu.

Di sini juga saya suka menyentuh mengenai pengambilan pekerja asing yang sering ditakrifkan sebagai pekerja mahir, akan tetapi pekerja ini lebih tidak mahir daripada pekerja tempatan. Ini amat menghairankan sekali dan ini lazimnya dilakukan oleh agensi-agensi pekerjaan, kononnya para pekerja ini adalah diambil atas dasar pekerja mahir dan ditempatkan di sektor-sektor yang penting yang mana di dalam sektor ini mereka mendapat upah dan pendapatan yang lumayan, sedangkan kerja-kerja ini

boleh dilaku dan dilaksanakan oleh rakyat kita. Akan tetapi takrif "pekerja mahir" ini telah disalahgunakan. Kalau adapun orang-orang kita yang sama-sama bekerja dengan para pekerja asing ini, tetapi layanan yang diberikan adalah amat berbeza sekali. Apakah muslihatnya? Kami sendiri pun tidak faham.

Maka saya rasa amat perlu pihak Kementerian mengambil berat dan mengambil tahu permasalahan-permasalahan ini supaya sama-sama kita dapat menjayakan hasrat Kerajaan, di mana kita ingin melihat tanggungjawab bersama itu dapat dilaksanakan dengan baik. Akta ini saya rasa merupakan Akta yang maju ke suatu arah tanggungjawab bersama untuk memajukan negara kita ini bagi mencapai Wawasan 2020.

Oleh itu, saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Nazri.

5.09 *ptg.*

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga berdiri untuk memberi sokongan kepada Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam menyokong Rang Undang-undang ini saya ingin menarik perhatian pihak Kementerian ke muka surat 5 Fasal 1(3) dalam Bahasa Malaysia, di mana ia telah menyatakan bahawa "Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh terpakai bagi pekerjaan atas kapal.... bagi Sabah atau Sarawak atau angkatan tentera".

Jadi, saya amat memahami mengapa Rang Undang-undang ini tidak melibat-

kan Angkatan Tentera. Apakah daripada peruntukan ini saya boleh sampai kepada satu kesimpulan bahawa Akta Pekerja ini akan merangkumi mereka yang menjadi anggota pasukan Polis sebab ia tidak dinyatakan di sini? Maka kesimpulannya agak selamat untuk kita katakan bahawa dia akan merangkumi mereka dari pasukan Polis.

Saya mahu jawapan di sini kerana saya rasakan bahawa kemungkinan satu Rang Undang-undang yang tertentu telah diletakkan untuk menjaga mereka yang sudah dalam pasukan Polis kerana pekerjaan pasukan Polis ini berbeza dari pekerjaan-pekerjaan yang lain, yang mana Polis juga sama dengan Angkatan Tentera dalam pekerjaan harian mereka dan terlibat dengan penggunaan firearms dan similar weapons, dengan izin, dan lain-lain lagi. Maka sudah tentulah apa yang hendak disyaratkan kepada mereka berbeza dengan pekerja-pekerja lain ataupun pekerjaan-pekerjaan lain yang tidak terlibat dengan menggunakan senjata.

Jadi, soalan saya di sini ialah oleh kerana Fasal 3 di muka surat 5 ini jelas menyebut dengan secara spesifik bahawa ia tidak melibatkan mereka yang bekerja dengan pekerjaan-pekerjaan yang dirangkumi oleh Akta-akta tertentu termasuk Angkatan Tentera yang menyebut secara spesifik, apakah Rang Undang-undang ini merangkumi mereka yang bekerja dengan pasukan Polis?

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, di muka surat 6, berkenaan dengan Fasal 2(2) yang menyebutkan iaitu "Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan atau ketakkonsistenan (inconsistence) antara peruntukan Akta ini dengan mana-mana undang-undang bertulis yang lain mengenai keselamatan dan kesihatan

pekerjaan, peruntukan Akta ini hendaklah mengatasi dan peruntukan yang bercanggah atau tak konsisten...".

Soalan saya di sini, kadang-kala kita tengok dalam peraturan-peraturan dan juga Akta-akta yang lain, kemungkinan perlindungan yang diberikan kepada pekerja-pekerja ini ialah lebih, iaitu memberikan keuntungan yang lebih dari segi perlindungan jika dibandingkan dengan apa yang ada dalam Akta ini. Jadi, sekiranya terdapat ketakkonsistennya dengan Akta yang lain, tetapi Akta yang lain itu memberikan perlindungan yang lebih kepada pekerja jika dibandingkan dengan Akta ini, apakah kita hendak mengeneppikan Akta itu disabitkan kerana dia tidak konsisten, tetapi walaupun tidak konsisten, membicarakan perlindungan yang lebih jika dibandingkan dengan Akta ini?

Saya tidak tahu kemungkinan oleh kerana ada lebih banyak lagi Akta-akta lain yang ada kaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerja-pekerja ini. Mungkin kalau kita buat perbandingan di bawah Akta yang lain itu, perlindungan yang diberikan kepada pekerja ialah lebih baik jika dibandingkan dengan Akta ini, apakah waktu dan ketika itu kita hendak mengambil kira bahawa Akta ini harus mengatasi Akta yang lain walaupun Akta itu memberikan perlindungan yang lebih kepada pekerja-pekerja ini?

Saya rasa bahawa kalau sekiranya ianya tidak konsisten dengan Akta lain, tetapi kalau Akta lain itu memberi perlindungan yang lebih, maka adalah baik kalau dikatakan bahawa walaupun tidak konsisten tetapi oleh kerana perlindungan dalam Akta itu lebih, maka yang mana menguntungkan pekerja kita harus ambil kira kepentingan pekerja itu

dahulu daripada kita terus mengatakan bahawa apa juga yang tidak konsisten, Akta ini akan mengatasi peruntukan-peruntukan dalam Akta-akta lain.

Tuan Yang di-Pertua, muka surat 6 berkenaan dengan takrif yang diberikan kepada "bahan bagi kegunaan semasa bekerja" telah diertikan iaitu apa-apa bahan yang dimasukkan atau dibekalkan bagi kegunaan, sama ada secara eksklusif atau tidak, oleh orang-orang semasa bekerja. Saya melihat di sini bahawa takrif ini terlalu umum dan kalau diambil begitu sahaja, kemungkinan kadangkala bahan yang diberikan kepada pekerja itu walaupun diberikan untuk kegunaan semasa bekerja tetapi kadangkala bahan itu pada kebiasaannya tidaklah bahan yang seharusnya diberikan kepada pekerja-pekerja untuk digunakan sewaktu bekerja?

Maksud saya di sini ialah bahawa bahan bagi kegunaan semasa bekerja ini haruslah diertikan sebagai bahan yang pada kebiasaannya memang digunakan untuk pekerjaan. Sebagai contoh - saya ambil yang paling mudah sekali - katalah kita bekerja sebagai carpenters, dengan izin. Jadi selalunya untuk mengetuk paku ke dinding, maka kita menggunakan pengetuk. Katalah pengetuk tidak ada, maka dianggap sesuai kalau kita beri batu besar untuk ketuk paku. Jadi, batu itu dia boleh digunakan semasa bekerja sebagai pengetuk. Jadi, kalau batu itu digunakan sebagai pengetuk, ketuk paku terserpih masuk mata. Maka, apakah hendak dianggapkan bahawa oleh kerana semasa bekerja, itu merupakan barang yang boleh diguna, maka ia boleh disebutkan dan diiktirafkan sebagai bahan bagi kegunaan semasa bekerja?

Saya lebih mirip untuk mencadangkan di dalam takrif "bahan bagi kegunaan

semasa bekerja" ini mesti dimasukkan perkataan "pada kebiasaannya", dan memang ini merupakan bahan yang digunakan semasa bekerja. Sebab kita bimbang dan kita takut, kadangkala majikan boleh memberikan kita satu bahan lain yang boleh digunakan untuk bekerja tetapi bahan itu tidak kepada kebiasaannya digunakan dan dia boleh mengakibatkan sesuatu yang berlaku pada pekerja dan mungkin majikan akan terlepas dengan mengatakan bahawa bahan itu adalah bagi kegunaan semasa bekerja walaupun tidak secara kebiasaannya sepatutnya itu harus digunakan.

Jadi, dalam kita hendak melindungi pekerja-pekerja, kita harus memastikan supaya tidak ada ruang di mana majikan boleh terlepas dari Akta ini semata-mata dapat menunjukkan bahawa itu merupakan bahan bagi kegunaan semasa bekerja. Mesti dimasukkan "pada kebiasaannya" sebab, kalau tidak, sudah tentu kita akan meletakkan dan mendedahkan pekerja kita kepada bahaya yang kemungkinan boleh berlaku tetapi mungkin majikan terlepas daripada dikenakan kesalahan atau disabitkan, oleh kerana takrif kita terlalu umum dan luas dan mereka tidak mendapat perlindungan daripada Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, di muka surat 8, ini berkenaan dengan takrif "pekerja". Saya juga telah mendengar hujah yang telah dibangkitkan oleh Tuan Munisamy. Saya ingin bertanya dan menyokong apa yang telah disebutkan oleh beliau, apakah "pekerja" ini termasuk mereka yang tidak menjadi warganegara dan menjadi buruh asing yang datang ke negara kita? Harapan saya ialah supaya kita tidak membuat apa-apa perbezaan, sama ada dia merupakan buruh asing ataupun dia warganegara kita. Sebab walaupun dia buruh asing, kita harus ingat bahawa kita

perlu kepada khidmat yang diberikan oleh mereka dan disabitkan. Oleh kerana sesetengah kerja yang ada dalam negara kita ini sudah tidak mahu diambil oleh warganegara kita, maka kehadiran mereka dalam negara kita ini banyak membantu membangunkan negara kita di mana mereka bekerja sebagai buruh dan sudah tentu kalau tanpa mereka tidak mungkin kita dapat membangunkan negara kita. Sebab itu, saya lebih mirip untuk memikirkan supaya tidak ada perbezaan dibuat di antara pekerja sama ada dia warganegara kita ataupun dia merupakan buruh asing.

Kepada kita, siapa sahaja yang mempunyai pekerjaan, mendapat pekerjaan, digajikan dan ada perjanjian di antara majikan dengan mereka itu dan mereka bekerja dalam negara kita, maka mereka haruslah dirangkumi di bawah "pekerja" mengikut takrif dalam Akta ini. Tetapi kalau memang sudah diambilkira bahawa buruh asing itu adalah "pekerja" mengikut takrif di bawah Rang Undang-undang ini, saya mengucapkan terima kasih kerana kita sebagai manusia sejagat, kita tidak harus membuat perbezaan di antara sama ada dia warganegara kita ataupun tidak, disabitkan kerana masing-masing memberi sumbangan kepada pembangunan tanahair kita, Malaysia ini.

Saya juga ingin bertanya iaitu berkenaan dengan takrif "pekerja" ini, apakah pekerja seraentara juga merangkumi di bawah takrif "pekerja" ini? Juga menjadi harapan saya bahawa pekerja sementara juga hendaklah diambilkira sebagai pekerja, walaupun dia bekerja sementara sama ada dua minggu atau tiga minggu, tetapi di waktu dia menjadi pekerja itu, dia harus diberikan perlindungan di bawah Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh Fasal 8 di muka surat 12 berkenaan dengan Majlis Negara. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan, khususnya Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos kerana begitu prihatin berkenaan dengan kebijakan pekerja-pekerja. Saya percaya, di atas kesungguhan kita untuk memastikan bahawa pekerja-pekerja ini dilayani dengan secara yang baik, maka itulah sebabnya mengapa di bawah Fasal 8 ini Kerajaan sanggup untuk mewujudkan satu majlis yang dipanggil Majlis Negara. Ini satu perkara yang baik dan amatlah disokong dengan wujudnya Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ini. Kita tahu bahawa dalam sesuatu perkara yang penting sahaja baru Kerajaan mewujudkan satu majlis di peringkat negara. Ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan menganggap bahawa keselamatan dan kesihatan pekerja-pekerja merupakan perkara yang amat penting yang membolehkan kita mewujudkan Majlis Negara ini.

Apa yang saya hendak sentuh sedikit berkenaan dengan Majlis Negara ini, yang juga agak menghairankan saya ialah di dalam komponen Majlis Negara ini, mengapakah Ketua Pengarah tidak dijadikan sebagai ahli Majlis yang tetap? Kita menyebut bahawa ada 12 orang yang telah ditentukan akan dilantik, 3 daripada satu bahagian yang khusus dan walaupun kita tahu bahawa ada 3 lagi yang kosong, sudah tentulah Ketua Pengarah itu akan dilantik sebagai ahli Majlis. Tetapi kalau kita mahu menunjukkan kesungguhan kita bahawa kita memang menjaga kebijakan pekerja-pekerja, saya rasa bahawa di bawah Akta ini, mesti kita letakkan khusus bahawa Ketua Pengarah itu mesti menjadi ahli Majlis. Sebab

kalau tidak, ianya bermakna bahawa orang lain selain daripada Ketua Pengarah boleh dilantik. Kita memberi ruang untuk membolehkan orang lain selain daripada Ketua Pengarah dilantik sebagai ahli Majlis.

Walaupun ada argument atau hujah yang mengatakan bahawa sudah tentulah Ketua Pengarah ini akan dilantik, tetapi itu tidak mencukupi. Sebab, kepada saya, kalau kita bersungguh-sungguh mahu menjaga kesihatan dan keselamatan pekerja-pekerja, maka Ketua Pengarah yang telah ditentukan tugas-tugasnya di bawah Akta ini sudah tentu dia mesti menjadi ahli Majlis di atas kekuatan jawatannya. Sebab kita perlu kepada seseorang untuk kesinambungan atau continuity. Mesti ada seorang yang boleh menjamin continuity di dalam Majlis ini.

Yang saya nampak, yang boleh memastikan kesinambungan dalam Majlis ini ialah Ketua Pengarah. Apa ruginya kalau kita letak di dalam muka surat 13 seperti berikut:

"Majlis hendaklah terdiri daripada tidak kurang.....dan daripadanya:

(a) Ketua Pengarah".

Sebab Ketua Pengarahlah yang sentiasa akan sedia maklum berkenaan dengan perkembangan yang berlaku soal kesihatan dan juga keselamatan pekerja-pekerja.

Jadi, oleh kerana itu, saya merasakan bahawa kita mesti masukannya di dalam Akta ini dan pastikan. Saya juga telah berbahas dalam beberapa Rang Undang-undang berkenaan dengan pewujudan

Majlis Negara dalam bidang-bidang yang tertentu. Selalu saya tengok bahawa Ketua Pengarah ataupun Ketua Pendaftar menjadi ahli Majlis seperti ini. Jadi, oleh kerana itu, untuk menunjukkan kesungguhan bahawa kita mahu mengatasi soal keselamatan dan Kesihatan pekerjaan dan untuk menunjukkan bahawa ada kesinambungan, sebab ahli Majlis ini dia bertukar dan selepas tiga tahun, orang lain pula datang dan macam-macam berlaku, dan dia tidak dilantik atas jawatannya.

Maka hanya Ketua Pengarah sahaja yang boleh menjamin kesinambungan yang ada dalam Majlis ini. Sebab itu, saya merasakan bahawa Ketua Pengarah hendaklah dilantik di atas jawatannya itu sebagai ahli Majlis ini kerana dia bertanggungjawab di atas perkembangan berkenaan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Kalau tidak nanti, masing-masing' akan menolak tanggungjawabnya. Orang ini tolak ke sana dan orang itu tolak ke sini. Tidak ada satu yang tetap dan tidak ada kesinambungan dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, muka surat 18 dalam versi Bahasa Malaysia, iaitu berkenaan dengan kewajipan am perekabentuk, pengilang dan pembekal. Saya melihat daripada tanggungjawab ini, saya tidak nampak ada satu peruntukkan yang memastikan supaya ujian ini dibuat secara tahunan. Di muka surat 20 di bawah Fasal 22, ia cuma hanya menyebut bahawa ujian haruslah diulangi - "mengulangi apa-apa ujian". Tetapi, ia tidak menyebut bahawa ujian itu hendaklah dibuat pada satu masa atau waktu ketika yang tetap.

Saya lihat di sini bahawa untuk memastikan keselamatan dan kesihatan pekerjaan, maka orang yang bertang-

gungjawab harus hanya menyediakan sesuatu itu di peringkat awal, dapat sijil (certificate) yang mengatakan bahawa semua sudah beres dan baik, dan selepas itu dia sudah tidak ada tanggungjawab. Ujian mesti diulangi sebab kita meletakkan sesuatu benda dan mendedahkan pekerja-pekerja kita kepada satu machine ataupun satu pemasangan yang kita tidak tahu sama ada pada tahun hadapan perjalanan mesin atau pemasangan ini boleh lagi kuat seperti di masa lepas.

Jangan'kita menunggu sehingga berlaku ia - saya bukan hendak sebutlah, but we must be pro-active. Kita jangan tunggu sesuatu berlaku, baru kita hendak buat. Sesuatu kemalangan jiwa berlaku, barulah kita hendak pastikan ini dan itu. Itu memang baik, tetapi terlambat kerana banyak jiwa telah kehilangan.

Sebab itu kita mesti proaktif di dalam tindakan kita untuk menjaga kesihatan dan keselamatan pekerjaan ini. Saya.....

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Nazri, nanti sekejap. Menurut Peraturan Mesyuarat Dewan Negara 6(3), saya dengan hormatnya menjemput Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad mpenge-rusikan Mesyuarat. Dipersilakan.

[Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad *mmpengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Sila Datuk Nazri, teruskan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih. Jadi, oleh kerana itu, dalam kita hendak menjaga keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kita mesti buat ujian tahunan. Ini adalah satu perkara yang penting kerana ianya akan menyakinkan kepada pekerja-pekerja

bahawa mereka akan dapat bekerja dalam tempat yang selamat dan memberi keyakinan kepada mereka bahawa Kerajaan memang bersungguh-sungguh untuk memastikan berkenaan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan ini.

Saya berharap cadangan ini akan dipertimbangkan kerana saya merasakan bahawa inilah satu cara yang boleh kita lakukan untuk menjaminkan supaya dengan adanya ujian tahunan yang dibuat secara "compulsory", tiap-tiap tahun (every year) mesti "check"-sama ada perlu ataupun tidak mesti "check-kerana kita tidak tahu berkenaan dengan soal mesin dan bahan-bahan ini kerana hanya pakar sahaja tahu. Daripada mata kasar kita, kita tidak akan nampak sama ada sudah berlaku sesuatu kelemahan kepada bahan-bahan ini. Jadi, itulah saya mencadangkan supaya di masa yang akan datang kalau boleh percepatkanlah supaya ujian dibuat pada tiap-tiap tahun terhadap apa-apa mesin dan bahan-bahan supaya dipastikan ianya tidak membahayakan kepada jiwa pekerja-pekerja itu.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir sekali, saya cuma ingin bertanya sahaja sebagai penjelasan berkenaan dengan Fasal 30 di dalam Akta, di muka surat 26 iaitu:

"Tiap-tiap majikan hendaklah menubuhkan jawatankuasa keselamatan dan kesihatan di tempat kerja mengikut seksyen ini jika:

(a) terdapat empat puluh orang atau lebih diambil kerja di tempat kerja; atau".

Soalan saya ialah cuma untuk bertanya apakah rasional di sebalik jumlah yang

ditentukan itu - 40 orang. Mengapa tidak kurang? Saya rasa dalam hal ini kalau kurang, katalah kepada 20 orang itu lebih baik sebab maknanya kalau 40 orang, jumlahnya agak besar dan seolah-olah jumlah yang besar itu sahaja yang penting. Kalau mana-mana majikan yang mempunyai cuma 20 orang pekerja sahaja, maka tidak perlu diadakan jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerja ini. Saya rasa jumlahnya itu memang boleh dibahaskan. Tetapi pertanyaan saya apakah rasional di sebalik 40 orang dan mengapa tidak kurang lagi? Sebab kebimbangan saya ialah kemungkinan ramai pekerja-pekerja disabitkan oleh kerana majikannya hanya mengambil kurang daripada 40 orang, maka mereka ini akan terdedah kepada bahaya yang sudah tentu akan memudaratkan tempat-tempat pekerjaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, cuma sedikit pandangan sahaja yang terakhir. Akta ini dipanggil Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Saya ingin juga di masa-masa yang akan datang mencadangkan kepada pihak Kementerian Sumber Manusia bahawa selain daripada keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kita juga harus mengambil kira tentang keselesaan pekerjaan. Mungkin daripada keselamatannya itu terjamin dan juga daripada segi kesihatannya terjamin, tetapi daripada segi keselesaan pekerjaan itu mungkin ianya tidaklah seperti yang kita harapkan. Oleh kerana pekerja-pekerja ini merupakan golongan yang digunakan tenaga mereka dan pekerjaan mereka itu penting dan mereka merupakan orang-orang yang kerdil yang kalau kita tidak membela nasib mereka, sudah tentu agak sukar untuk mereka membela diri mereka sendiri. Maka saya cadangkan di masa yang akan datang supaya diambil kira juga soal tentang keselesaan pekerjaan.

Maka dengan pandangan dan hujah saya itu, saya sekali lagi menyatakan iaitu saya menyokong Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji

Ahmad: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekiranya tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat hendak memberi pandangan dan hujah-hujah, maka dengan ini saya persilakan Timbalan Menteri untuk menjawab.

5.36ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia

[Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai Rang Undang-undang ini iaitu Yang Berhormat Senator Dr. Ng Yen Yen, Yang Berhormat Tuan Munisamy, Yang Berhormat Dr. Toh Kin-Woon, Yang Berhormat Tuan Haji Salleh dan Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri. Pandangan dan teguran yang diberi oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya sangat hormati.

Beberapa isu yang telah dibangkitkan pada petang ini dan saya boleh beri jawapan yang mana yang saya boleh. Mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Ng Yen Yen berhubung dengan larangan ke atas bahan bahaya dan risiko pekerja seperti bahan kimia, saya ingin menerangkan bahawa selepas Rang Undang-undang ini diluluskan, pihak Jabatan akan mengadakan peraturan untuk mengawal bahan-bahan kimia yang digunakan di

tempat kerja. Penyeliaan kesihatan akan juga dijalankan.

Bagi menjawab Yang Berhormat Dr. Ng Yen Yen berkenaan dengan soal kenapa perlu 40 orang pekerja sebelum mengadakan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, mengikut pengalaman Jabatan Kilang dan Jentera, majikan yang menggaji 40 orang pekerja ke atas mampu mengadakan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan dan jika majikan mempunyai kurang daripada 40 orang pekerja adalah tidak praktikal diadakan jawatankuasa tersebut.

Walau bagaimanapun, Rang Undang-undang ini memberikan kuasa kepada Ketua Pengarah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan untuk mengarah majikan-majikan tempat-tempat kerja yang mempunyai kurang dari 40 orang pekerja untuk menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja.

Mengenai kurang latihan, maklumat dan penyelidikan tentang penggunaan bahan-bahan kimia yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Ng Yen Yen, Kerajaan telah pun menubuhkan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan yang bertanggungjawab untuk mengadakan latihan penyediaan maklumat serta mengendalikan penyelidikan dalam hal-hal keselamatan dan kesihatan pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai diskriminasi kepada kaum wanita yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dr. Ng Yen Yen, Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan yang mengendalikan kursus-kursus latihan tidak mendiskriminasikan kaum wanita. Malah dalam setiap kursus yang dijalankan oleh institut, terdapat beberapa

peserta kaum wanita mengikuti kursus ini. Di peringkat kebangsaan pula, Majlis Negara akan sekurang-kurangnya mempunyai seorang ahli wanita seperti yang diperuntukkan di bawah Rang Undang-undang ini.

Mengenai soalan berkaitan dengan wanita sebagai wakil di Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan yang dibangkitkan oleh Dr. Ng Yen Yen dan juga Yang Berhormat Tuan Munisamy, perlantikan seorang wanita kepada Majlis tersebut adalah untuk mewakili pekerja-pekerja wanita yang mungkin ada masalah-masalah tersendiri khususnya semasa bekerja di tempat kerja. Peruntukan di bawah Akta ini akan memastikan bahawa kaum wanita adalah diwakili di Majlis di peringkat kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Jadual Ketiga yang tidak cukup luas, misalnya 'bising', yang dibangkitkan oleh Dr. Toh Kin Woon, bagi mengatasi masalah bising sudah ada 'Noise Regulations' di bawah Akta Kilang dan Jentera. Ini telah diliputi di bawah Akta-akta lain seperti Akta Kilang dan Jentera, Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984, Akta Perlombongan dan sebagainya yang khusus mengenai masalah-masalah tertentu. Ada juga peruntukan di bawah seksyen 66 dalam Akta ini di mana Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi merangkumi perkara-perkara lain. Seksyen 28 juga adalah amat luas dan merangkumi semua jenis penyakit yang difikirkan perlu oleh Menteri.

Mengenai penggunaan paraquat yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Munisamy di estet-estet, untuk maklumat Yang Berhormat, penggunaan racun paraquat adalah di bawah bidangkuasa

Akta Racun 1974. Walau bagaimanapun, Rang Undang-undang ini di bawah peruntukan kewajipan am mengendalikan majikan menentukan keselamatan dan kesihatan pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, dengan perkataan isu 'practicable' yang bermaksud majikan boleh menetapkan standardnya sendiri, yang dibangkitkan oleh Dr. Toh Kin Woon, saya mahu katakan di sini ini tidak betul sebab adalah disebutkan dalam seksyen 3(1) "boleh dipraktikkan dengan mengambilkira teruknya bahaya atau risiko" dan sebagainya. Ini terpulang kepada mahkamah untuk menetapkan dalam sesuatu kes sama ada majikan telah mengambil tindakan setakat mana yang boleh dipraktikkan. Satu standard tetap tidak boleh ditetapkan, khususnya sekarang sebab sains dan teknologi kian berkembang dan mahkamah mengikut seksyen 3(1)(c) hendaklah mengkaji sama ada ada atau tidak ada cara yang sesuai untuk menghapuskan atau mengurangkan bahaya atau risiko. Oleh itu, standard yang statik tidak boleh dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai seksyen 6 berkenaan dengan kuasa Ketua Pengarah melantik seseorang atau sesuatu badan pemeriksaan bebas daripada mana-mana industri, yang disebutkan oleh Dr. Toh Kin Woon, seksyen ini mengakui bahawa Ketua Pengarah tidak mempunyai kepakaran dalam industri. Oleh itu, pakar-pakar dalam satu industri yang lebih mengetahui akan bahaya dalam sesuatu industri serta juga langkah-langkah yang perlu diambil bagi mencegah berlakunya keadaan yang merbahaya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan kekeluaran orang-orang yang tersebut dalam Ordinan-ordinan Perkapanan dan

Angkatan Tentera, yang dibangkitkan oleh Datuk Haji Mohamed Nazri Aziz, terdapat peruntukan-peruntukan yang terperinci berkaitan dengan keselamatan dalam Ordinan-ordinan tersebut. Bagi Angkatan Tentera pula, dalam masa perang, Kerajaan tidak dapat menjamin dan menjaga keselamatan dan kesihatan anggota tentera.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu pekerja disalahkan kerana kemalangan, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Salleh, adalah menjadi tanggungjawab majikan untuk menyediakan tempat-tempat kerja yang selamat dan sihat serta memberi maklumat, latihan dan penyeliaan kepada pekerja-pekerjanya. Dengan itu, pekerja-pekerja tidak akan disalahkan jika majikan tidak menjalankan tanggungjawabnya.

Mengenai isu Akta ini untuk mengatasi undang-undang lain yang disebutkan oleh Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, satu kajian telah dibuat di mana tidak ada Akta lain yang memberikan perlindungan yang lebih daripada Akta ini. Akta ini merupakan Akta yang mewujudkan standard perlindungan kepada pekerja-pekerja. Sekiranya ada Akta-akta lain yang memberikan perlindungan yang lebih baik kepada pekerja, maka Kementerian saya dan Jabatan Peguam Negara tidak akan membuat satu peruntukan seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai takrif "bahan bagi kegunaan semasa bekerja" yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, takrif ini adalah takrif am sebab hendak mengelakkan daripada berlakunya apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Sekiranya perkataan "kebiasaan" dimaksudkan, pekerja hanya

mendapat perlindungan yang terhad sahaja. Tetapi takrif sekarang memberikan tafsiran yang begitu luas kepada pekerja sehingga majikan tidak boleh membuat dakwaan bahawa bahan yang dibekalkan itu bukanlah bahan yang kebiasaannya dibekalkan kepada pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soal pengeluaran penalty bagi pekerja dan kesatuan sekerja yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Toh Kin Woon, penalty tidak dapat dikeluarkan kerana Akta ini digubal ke atas konsep bahawa keselamatan dan kesihatan pekerja adalah tanggungjawab bersama pekerja, majikan dan Kerajaan. Terdapat kes-kes maut atau kecederaan yang berlaku ke atas pekerja kerana tidak menggunakan alat-alat keselamatan yang dibekalkan oleh majikan ada yang tidak mengikuti prosedur kerja yang telah ditetapkan oleh majikan. Oleh itu, penalty itu tidak boleh dikeluarkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soal Majlis Negara mengapa Ketua Pengarah tidak dijadikan Ahli Majlis yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, Ketua Pengarah adalah ex-officio kepada Majlis itu, tetapi dia bukanlah seorang ahli majlis, sebab sebagai Jabatan yang menguatkuasakan Akta ini mungkin ia akan menimbulkan soal conflict of interest, dengan izin. Majlis adalah merupakan 'watchdog' dengan membuat cadangan kepada Menteri yang boleh mengarahkan Ketua Pengarah untuk bertindak. Walau bagaimanapun, Menteri boleh, jika beliau fikirkan Ketua Pengarah perlu dijadikan sebagai ahli tetap, melantikkannya di bawah peruntukan Akta ini.

Akhirnya, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai

Kementerian saya sebentar tadi. Suka saya juga memaklumkan bahawa perkara-perkara yang berkaitan dan yang tidak dapat saya menjawab dalam Dewan yang mulia ini akan diambil perhatian yang serius oleh Kementerian Sumber Manusia. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 67 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama, Jadual Kedua dan Jadual Ketiga diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERKHIDMATAN BOMBA (PINDAAN) 1993

*Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga
5.55 ptg.*

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Osu bin Haji Sukam]: Tuan Yang di-Pertua, saya

mohon mencadangkan iaitu Suatu Akta untuk meminda Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Perkhidmatan Bomba telah diluluskan oleh Parlimen pada tahun 1988. Dalam melaksanakannya semenjak itu, Jabatan Perkhidmatan Bomba mendapati ada timbul beberapa kelemahan. Maka di sini ingin dicadangkan beberapa pindaan bagi memperkemas serta memperkukuhkan Akta ini.

Pindaan pertama adalah untuk membolehkan suatu Jadual baru mengenai gelaran "pangkat Pegawai Bomba" diadakan. Jadual mengenai gelaran pangkat ini adalah didapati perlu kerana di dalam Akta sendiri ada peruntukan menyebut 'tanda pangkat' tetapi apakah pangkat-pangkatnya tidak dinyatakan. Ia juga ada kaitan dengan seksyen 62(1) yang memberi kuasa kepada Menteri membuat peraturan menetapkan pakaian seragam dan tanda pangkat bagi Pegawai Bomba dan Pegawai Bomba Bantuan. Pada asalnya dianggap pangkat-pangkat ini adalah perkara pentadbiran dan difikirkan tidak perlu dimasukkan di dalam Akta. Walau bagaimanapun, di dapati seterusnya ia mempunyai implikasi perundangan, maka kini dimasukkan dalam Akta sebagai Jadual.

Pindaan seterusnya adalah untuk membolehkan Ketua Pengarah Perkhidmatan Bomba menurunkan kuasa secara bertulis tanpa diwartakan. Peruntukan yang ada membolehkan penurunan kuasa hanya secara diwartakan. Dari segi amalan, ini kurang praktik kerana pertukaran pegawai kerap berlaku memandangkan Perkhidmatan Bomba sedang berkembang dengan pesat mulai sekarang. Setiap pertukaran akan

memerlukan tindakan mewartakan semula dan ini melibatkan tindakan perundangan. Maka adalah lebih mudah dan praktik diturunkan kuasa secara bertulis melalui pentadbiran Jabatan sendiri.

Suatu lagi pindaan adalah membolehkan Ketua Pengarah Perkhidmatan Bomba mengambil tindakan segera menghentikan aktiviti di sesuatu premis dalam keadaan yang mendesak. Peruntukan yang sedia ada membolehkan Ketua Pengarah tersebut berbuat demikian hanya dengan perintah mahkamah. Ini memakan masa dan tidak sesuai dalam keadaan yang mendesak. Sebagai suatu peruntukan mengimbangkan kuasa ini, suatu peruntukan tambahan juga dicadangkan bagi membolehkan pihak yang diberi perintah demikian membuat rayuan kepada mahkamah. Bermakna, keputusan terakhir masih terletak kepada mahkamah seperti dihasratkan oleh peruntukan asal.

Pindaan selanjutnya ialah mengadakan bagi menghalang dan mengambil tindakan terhadap orang yang mengutip wang atas nama Kumpulan Wang Kebajikan Jabatan Perkhidmatan Bomba tanpa kebenaran. Ini adalah perlu bagi mengelak berlakunya peluang menipu orang awam menghulurkan bayaran yang salah.

Akhirnya, ialah pindaan memasukkan Pasukan Bomba Sukarela sebagai salah satu pertubuhan yang boleh dikawalselia oleh Jabatan Perkhidmatan Bomba. Buat masa ini, pasukan-pasukan sedemikian hanya perlu berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan dari segi perjalanan sebagai kelab biasa. Kini banyak lagi Pasukan Bomba Sukarela ditubuhkan dan ada yang mendapat bantuan alat kelengkapan kebombaian dari Kerajaan melalui Jabatan

perkhidmatan Bomba. Maka pengawalseliaan oleh Jabatan Perkhidmatan Bomba adalah wajar bagi menentukan mereka tidak menyalahgunakan alat-alat ini dan senantiasa memelihara kecekapan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Ustazah Zaleha.

6.00ptg.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi kesempatan untuk membahaskan suatu Akta yang dinamakan Akta Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 1993. Saya juga mengambil peluang dalam perbahasan ini, awal-awal lagi, untuk memberi satu tahniah kepada pasukan Bomba yang telah pun menunjukkan kecemerlangan perkhidmatan mereka terutama dalam tragedi yang telah berlaku di Lembah Klang baru-baru ini. Pasukan Bomba dari Jalan Hang Tuah, Kuala Lumpur yang telah pun menyelamatkan 3 orang mangsa pada hari pertama berlaku tragedi tersebut. Kalau kita lihat secara langsung dalam perkhidmatan Bomba ini, ini menampakkan kepada kita bahawa pasukan Bomba adalah satu pasukan keselamatan yang paling penting dalam keadaan situasi negara yang ada pada hari ini terutama negara yang membangun ke arah negara perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan ini kerana cara yang telah ditunjukkan oleh pasukan Bomba dalam melaksanakan tugas dan kerja masing-masing, dalam gerakan-gerakan bukan sahaja dalam peristiwa tragedi yang berlaku di Ulu Klang itu tetapi dalam kemalangan-kemalangan, misalnya, kemalangan-kemalangan jalan raya dan sebagainya.

Jadi, apa yang berlaku telah pun dinyatakan dalam Akta pindaan ini yang membolehkan gelaran "pangkat" diaktakan dalam Akta Perkhidmatan Bomba ini memang perlu, sesuai dengan kedudukan dan keadaan pasukan Bomba yang telah menunjukkan kecekapan mereka. Tetapi apa yang kita perlu melihatnya ialah apabila mereka telah menunjukkan kecekapan, sudah pasti mereka perlu mendapat latihan yang lebih dan juga latihan yang amat berkesan supaya kerja-kerja yang mereka lakukan itu dapat dijalankan dengan baik dan sempurna.

Saya difahamkan pasukan Bomba kita iaitu pasukan Bomba Malaysia ini boleh berada setaraf dengan pasukan-pasukan keselamatan yang lain. Hatta, kita dapat mengatasi mereka-mereka yang datang daripada Perancis dan juga Jepun. Tetapi mereka memerlukan peralatan-peralatan yang membolehkan mereka melaksanakan tugas-tugas berat mereka dalam menghadapi keadaan-keadaan yang tertentu khususnya, kemalangan-kemalangan dan juga tragedi-tragedi yang berlaku dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa sehubungan dengan pasukan Bomba ini, Kementerian telah pun bercadang untuk menubuhkan satu Unit

Rescue 911. Saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian, bilakah pasukan ini akan beroperasi. Kerana pada saya, Unit Rescue 911 ini amat perlu disegerakan memandangkan kemalangan yang berlaku dalam negara ini boleh dikatakan kita menerima 6 kejadian runtuh dan sebagainya dalam negara ini. Semuanya kemalangan-kemalangan ini di antaranya ada yang boleh membawa maut kepada mangsa-mangsa yang terlibat. Apabila Unit Rescue 911 ini diwujudkan, mereka perlu diberi latihan dan juga disediakan kepakaran-kepakaran di bidang-bidang khas yang diwujudkan di bawah Unit Rescue 911 ini. Apakah kelambatan untuk beroperasi unit ini kerana menghadapi peruntukan dan sebagainya? Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Kementerian kerana saya difahamkan bahawa unit ini amat berkesan untuk membuat tindakan-tindakan segera apabila berlaku sesuatu kemalangan di dalam negara ini.

Saya juga menyarankan bahawa sebelum Unit Rescue ini ditubuhkan dan dioperasikan nanti, Bomba perlu ada ataupun perlu mewujudkan kepakaran di bidang pertolongan cemas ataupun di bidang pramedic supaya apabila berlaku sesuatu kemalangan ataupun berlaku sesuatu perkara yang boleh membawa kepada kemalangan jiwa dan sebagainya, mereka tidaklah bersusah payah apabila menemui mangsa kerana mereka kini terpaksa menunggu sehingga mendapat suatu rawatan daripada pihak hospital dan sebagainya. Sekurang-kurangnya, dengan saya mengesyorkan supaya diwujudkan pramedic ini kepada pasukan Bomba, ianya boleh menyelamatkan buat sementara waktu, sebelum mangsa-mangsa itu dibawa ke hospital ataupun ke tempat rawatan. Kerana, saya difahamkan apabila berlaku sesuatu kemalangan selain daripada runtuh

binaan, kemalangan jalan raya, misalnya; apabila pasukan Bomba telah menyelamatkan orang yang tersepit ataupun pasukan Bomba telah pun mengeluarkan seseorang yang dalam keadaan yang teruk, tetapi pasukan Bomba terpaksa menunggu bantuan daripada pihak hospital untuk diberi rawatan. Sekiranya pasukan Bomba sendiri mempunyai kepakaran di bidang medical ini, sekurang-kurangnya pasukan Bomba juga dapat segera menyelamatkan seseorang mangsa ataupun sesuatu kejadian kemalangan yang berlaku.

Di samping itu, saya juga difahamkan dalam pasukan Bomba ini, ada satu unit yang dinamakan Tugas Ehsan. Tugas Ehsan ini banyak saya difahamkan di kampung-kampung dan juga di pedalaman-pedalaman, meminta bantuan daripada pasukan Bomba. Tugas Ehsan, ini misalnya, memberi bantuan apabila berlaku kemasukan ular di rumah yang agak berbisa dan merbahaya, ataupun ada orang yang terjatuh dalam perigi, ataupun pintu rumah terkunci dan sebagainya yang boleh membawa kepada satu perkara yang merbahaya.

Pasukan Bomba mempunyai unit khas yang dinamakan Tugas Ehsan. Tetapi saya difahamkan mereka yang bertugas memang betul-betul 'tugas ehsan', dengan 'ehsan' mereka sahaja. Tetapi mereka tidak diberi latihan yang benar-benar di bidang tersebut. Apalah kiranya, saya mengesyorkan kepada pihak Jabatan Bomba supaya mereka mengambil inisiatif untuk memberi latihan yang wajar sesuai dengan kerja-kerja yang dilakukan oleh Bomba dalam Tugas Ehsan ini. Walaupun Bomba pada pandangan sepintas lalu, mereka adalah bertugas untuk menyelamatkan daripada kebakaran dan sebagainya, tetapi apabila dilihat secara terperinci, sebenarnya

Jabatan Bomba adalah satu jabatan yang begitu luas fungsinya dalam membantu orang ramai dalam negara ini.

Saya difahamkan Bomba bukan sahaja terlibat dalam bentuk tugas ehsan ataupun dalam tugas-tugas menyelamatkan mangsa-mangsa yang lain, tetapi Bomba juga diberi tugas-tugas dalam menyelamatkan beberapa perkara iain, selain daripada kebakaran.

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengemukakan sedikit pertanyaan kepada pihak Kementerian. Saya difahamkan penyertaan dan penglibatan daripada orang awam, daripada berbagai peringkat, termasuk sekolah melalui ko-kurikulum, seperti Kelab Pasukan Bomba ataupun Kadet Bomba yang ditubuhkan di sekolah-sekolah. Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian, setakat ini bagaimakah caranya penyelarasan yang dibuat oleh Jabatan Bomba dengan sekolah-sekolah dalam memberi latihan kepada Kadet-kadet Bomba ini dan kalau perlu, ianya dipertingkatkan lagi dan dipergiatkan lagi di sekolah-sekolah pada hari ini. Sesuai dengan pindaan dalam Akta ini, iaitu hendak memasukkan Pertubuhan Bomba Sukarela ini di bawah kawalseliaan Jabatan Perkhidmatan di sekolah-sekolah ataupun pasukan Kelab Bomba yang ada di sekolah?

Sebelum ini, saya difahamkan satu ketika dahulu di Kelantan telah dibuat satu seruan dan arahan secara meluas sekali iaitu mengenai Briged-briged Bomba yang ditubuhkan. Saya masih tidak lupa Briged Bomba tersebut diberi pakaian, diberi segala peralatan dan pada masa Barisan Nasional memehntah negeri Kelantan itu, ramai daripada wakil-wakil Rakyat melalui peruntukan mereka telah memberi peruntukan untuk

memberi uniform kepada Briged-briged Bomba ini di seluruh negeri tersebut. Tetapi pada masa sekarang nampaknya tidak ada apa pun, dan perkara itu dihintakan dengan begitu sahaja. Apakah Briged Bomba yang ditubuhkan ini tidak lagi beroperasi ataupun ianya diletakkan di bawah Unit Bomba Sukarela dan juga masih beroperasi sehingga sekarang?

Tuan Yang di-Pertua, dalam situasi yang ada sekarang ini, saya juga ingin menyatakan bahawa banyak perkara-perkara kebakaran di Jabatan-jabatan Kerajaan yang berlaku di dalam negara kita ini.

Saya mengesyorkan juga kepada pihak Jabatan Bomba, selain daripada ianya terlibat dalam jawatankuasa teknikal untuk sesebuah bangunan atau Jabatan, Jabatan Bomba ini sekurang-kurangnya hendaklah begitu sensitif terhadap apa yang berlaku iaitu lebih berhati-hati dalam membuat kajian dan seliaan sesebuah bangunan yang hendak dibina supaya ianya dapat diatasi ataupun dielakkan daripada berlakunya kebakaran dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata yang telah pun saya sebutkan secara ringkas tadi, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 1993. Terima kasih.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Yang Berhormat Tuan Saidin bin Mohamad.

6.12 ptg.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan), 1993, maka sukacita saya memperkatakan satu dua perkara.

Sebagai sebuah Jabatan yang bertanggungjawab untuk memberi perkhidmatan kebombaanan yang lengkap dan berkesan bagi menyelamatkan nyawa dan harta benda semasa kebakaran serta berusaha mencegah kebakaran, dan di samping itu Perkhidmatan Bomba juga menjalankan khidmat menyelamat terbabit dengan nahas kemalangan dan lain-lain khidmat kemanusiaan.

Di dalam Fasal 4, seksyen 7(2) amatlah wajar Ketua Pengarah mewakili mana-mana kuasanya atau pelaksanaan mana-mana tugasnya kepada mana-mana Pegawai Bomba.

Saya menyokong penuh kuasa yang diberi itu memandangkan ada agensi-agensi yang ketuanya tidak berbuat demikian, atau penguasaannya tidak diberi, membuatkan kegelisahan kepada rakyat. Biasanya sesebuah Jabatan Bomba tidak diwujudkan di tiap-tiap negeri, contohnya di negeri Perlis, berkongsi dengan negeri Kedah, di mana Jabatan itu terletak di negeri Kedah, ketika Ketua Pejabatnya tidak ada di pejabat, sedangkan rakyat di Perlis yang berurusan terpaksa balik dan pada hari yang lain pula berurusan. Walau bagaimanapun, saya suka menyebutkan seseorang Pegawai Bomba yang diwakilkan itu atau kuasa yang diberi padanya biarlah prihatin di atas tanggungjawab itu. Janganlah hendaknya acap kali apabila Jabatan-jabatan menghantar wakil di dalam majlis-majlis dialog dengan rakyat, mereka memberi jawapan bahawa mereka tidak ada kuasa dan terpaksa merujuk kepada 'boss'nya dan pada hari yang lain akan diberitahu. Jika dia diberitahu itu dalam tempoh seminggu ataupun 2 minggu, tidak mengapa, tetapi diam begitu sahaja sehingga beberapa lama.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Fasal 5, seksyen 35A (2), memanglah di segi Peraturan di bawah seksyen 35A(2) perlu dikeluarkan sebagai bukti bertulis atau amaran kepada pemunya ataupun penghuni premis itu untuk dijadikan kenyataan di mahkamah. Tetapi surat perintah itu perlulah mendapat tandatangan pemunya atau penghuni premis itu supaya kenyataannya itu lebih kuat. Namun demikian, ada masa-masa yang perlu menggunakan diplomasi sahaja sekali ataupun dua kali.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati terdapat di gedung-gedung perniagaan, 'supermarket' atau sebagainya, barang-barang dipamerkan dengan penuh sesak hinggalah ruang untuk lalu-lalang menjadi sempit, bahkan di pintu-pintu jalan juga di pamerkan. Jika keadaan itu berterusan dan bila berlaku kebakaran atau sebagainya, amat menyukarkan pihak Bomba dan sebagainya.

Bagi memperkatakan masalah lain bersangkutan dengan Bomba ialah mengenai kerjasama ataupun penyelarasan dengan agensi lain. Janganlah hendaknya bila jambatan di sesuatu tempat hendak dibina, tidak diambil kira tentang kemudahan Bomba. Saya sebutkan ini kerana apabila berlaku kebakaran, kereta Bomba tidak dapat masuk kerana jambatannya sempit atau dibina pintu gerbang yang tidak sesuai dengan Bomba.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian dan ingin mengetahui sejauh manakah Kerajaan memberi perhatian mengenai kemudahan Bomba di institusi pengajian tinggi, terutamanya di universiti-universiti, ITM ataupun sebagainya. Saya dapati bukan sahaja institusi itu jauh jaraknya dengan Balai Bomba tetapi juga bangunan-bangunan

itu didirikan di tempat atau di tanah tinggi dan jalan-jalan untuk masuk berbelok-belok.

Saya biasa bersua dengan kereta Bomba tergesa-gesa yang hendak pergi ke suatu tempat kebakaran, dan bila tiba di persimpangan atau selekoh, kereta Bomba itu terbalik. Inilah yang saya timbulkan keraguan tentang bagaimanakah kereta Bomba hendak dipandu dengan agak laju ke sesuatu tempat ini jalan itu berbelok-belok, seperti mana yang saya sebut tadi.

Saya juga ingin tahu pengalaman pihak Bomba mengenai sesuatu masalah atau menempuh kesukaran memadam api terutamanya, sepertimana yang kita sedia maklum, kebakaran yang berlaku di asrama Universiti Malaya pada beberapa tahun lepas. Apakah kajian-kajian telah dibuat berhubung dengan kebakaran itu untuk menjadi panduan kita pada masa-masa akan datang?

Berhubung dengan Pasukan Bomba Sukarela, saya menyeru supaya pihak Bomba memberi tunjukajar yang lebih berkesan lagi agar Pasukan Sukarela ini dapat membantu pihak Bomba supaya perkara-perkara yang bersangkutan dengan keadaan sesuatu tempat dapat diatasi oleh Pasukan Bomba Sukarela ini, kerana Pasukan Bomba Sukarela ini acap kalinya terdiri daripada rata-rata kampung ataupun tempat yang mewakili Pasukan Sukarela ini. Jadi, tidaklah timbul permasalahan di tempat yang berkenaan jika sekiranya Pasukan Sukarela ini diberi pelajaran yang sesuai. Apabila berlaku sesuatu kebakaran ataupun sesuatu yang diperlukan oleh Bomba, patutlah pihak Polis ataupun pihak hospital menyertai bersama di dalam perkhidmatan Pasukan Bomba itu, supaya dapat kita memberi pertolongan dengan agak segera.

Jadi, itulah sahaja yang saya hendak sebutkan dan saya menyokong segala pindaan-pindaan yang telah dibuat oleh pihak yang berkenaan. Dengan ini, saya dengan sukacitanya menyokong.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Yang Berhormat Tuan Rahim Baba.

6.20 *ptg.*

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut sama membahaskan Rang Undang-undang yang dinamakan Akta Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 1963.

Tuan Yang di-Pertua, untuk membahaskan dan menyokong Rang Undang-undang ini, saya akan menyentuh enam perkara. Pertama, sepertimana yang telah pun dinyatakan oleh rakan-rakan saya yang terdahulu mengenai peralatan yang dimiliki oleh Jabatan Bomba pada masa ini. Saya percaya kita semua sedar bahawa tugas dan juga peranan Jabatan Bomba ataupun anggota-anggotanya telah pun bertambah mencabar dengan pembangunan yang berlaku di negara kita pada masa ini dan tugas-tugas ini terus dijalankan walaupun anggota-anggota Bomba kita di setengah-setengah tempat masih memiliki peralatan-peralatan yang telah pun agak lama. Kita telah pun belajar banyak pengalaman-pengalaman di mana keadaan, umpamanya, dalam contoh yang terbaru di mana sebuah kondominium telah pun tumbang dan di sini kita dapat lihat keupayaan yang dimiliki oleh anggota-anggota Bomba kita. Saya percaya mereka mempunyai semangat untuk membantu mereka yang terperangkap, tetapi disebabkan oleh peralatan yang tidak mencukupi dan dengan peralatan yang terbatas, mereka setakat ini masih belum berjaya melakukan sesuatu.

Begitu juga dengan pembangunan yang ada sekarang, dengan banyaknya bangunan-bangunan yang tinggi, saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian, berapa banyakkah 'Skylift' yang dimiliki oleh Jabatan Bomba pada ketika ini? Saya tidak fikir cukup 'Skylift' ini jika hanya dimiliki oleh Balai-balai Bomba di ibu-ibu negeri ataupun hanya terbatas di Kuala Lumpur sahaja, kerana bangunan-bangunan tinggi ini tidak hanya terletak di Kuala Lumpur tetapi juga terdapat di bandar-bandar lain seperti Ipoh, Pulau Pinang, Seremban, Melaka dan sebagainya. Kita berharap di bandar-bandar ini juga terdapat kemudahan-kemudahan 'Skylift'. Kita tidak boleh mengharapkan hanya 'Skylift' ataupun kemudahan daripada Kuala Lumpur untuk membantu apabila berlaku kebakaran di bandar-bandar yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan supaya Jabatan Bomba juga mengadakan satu Unit Helikopter. Kita dapati apabila berlaku kemalangan, umpamanya di lebuhraya, kadangkala apabila hendak mendapatkan bantuan daripada pihak Bomba, oleh kerana apabila berlaku kemalangan sudah tentunya akan berlaku juga kesesakan lalulintas, dan di sini pihak Bomba mungkin tergendala untuk sampai ke destinasi yang dituju. Apabila berlaku kemalangan, saya percaya dan faham, satu atau dua 'seconds' itu kadangkala boleh membuat perbezaan di antara seorang yang terlibat itu akan hidup atau mati. Kita berharap kepada Jabatan Bomba akan dapat melengkap ataupun menubuhkan Unit Helikopter sendiri. Kita tidak boleh lagi mengharapkan, pada masa sekarang saya difahamkan Jabatan Bomba hanya berharap kepada Unit Helikopter daripada TUDM ataupun Polis ataupun sebagainya. Kita harap

supaya Unit Helikopter sendiri pun dimiliki oleh Jabatan Bomba.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang ingin saya sentuh ialah mengenai perlindungan insurans kepada ahli-ahli Bomba Malaysia, Saya difahamkan walaupun ahli-ahli Bomba kita bekerja dalam keadaan yang sebegitu merbahaya kepada diri mereka, tetapi saya difahamkan tidak ada perlindungan insurans yang diberikan kepada ahli-ahli Bomba, walaupun PERKESO sekalipun.....

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Yang Berhormat, saya ada menerima satu usul. Dipersilakan, Setiausaha Kementerian Kewangan.

USUL

WAKTU, MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan JMustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 1993 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Haji Syed Abdul Hamid Sagaff: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan kita ialah satu usul yang dikemukakan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan seperti

yang telah dibacakan sebentar tadi supaya Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga Akta ini diluluskan. Saya mengemukakan masalah ini bagi diputuskan,

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 1993 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
PERKHIDMATAN BOMBA
(PINDAAN),1993**

Perbahasan disambung semula.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Rahim Baba untuk menyambungkan ucapan.

Tuan Rahim bin Baba: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun menimbulkan soal perlindungan insurans kepada anggota-anggota Bomba yang telah pun menggadaikan nyawa mereka untuk membantu masyarakat. Saya berharap supaya anggota-anggota Bomba kesemuanya dilindungi dengan insurans dan saya difahamkan ketika ini tidak akan sebarang perlindungan insurans yang diberikan kepada anggota Bomba ini dan kemudahan PERKESO pun tidak diperuntukkan kepada anggota-anggota bomba ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga yang saya ingin kemukakan ialah, saya menyokong sebarang usaha untuk menubuhkan satu unit bomba khas seperti

'Unit Rescue 911' seperti mana yang telah pun dinyatakan oleh sahabat-sahabat saya terdahulu daripada ini. Saya berharap Pusat Latihan Bomba yang berada di Kuala Kubu Baru sekarang ini, bersesuaian dengan kehendak kita untuk meninggikan lagi taraf anggota-anggota Bomba kita, supaya Pusat Latihan Bomba ini dinaikkan tarafnya menjadi sebagai sebuah Maktab Bomba.

Tuan Yang di-Pertua, perkara keempat yang ingin saya timbulkan di sini ialah, kita dapati dalam kebanyakan projek perumahan, walaupun Kerajaan telah mensyaratkan supaya pemaju-pemaju menyediakan sedikit kawasan untuk didirikan Balai-balai Bomba, tetapi apa yang telah pun berlaku ialah, setelah projek perumahan itu diduduki lima ataupun sepuluh tahun pun kadangkala Balai-balai Bomba masih belum dibina lagi. Ini kita fahami adalah kerana mungkin pihak Kerajaan menghadapi priority yang lain, menghadapi masalah kewangan.

Jadi, saya ingin menyarankan di sini supaya semasa meluluskan projek-projek perumahan, pihak Kerajaan mensyaratkan supaya pihak pemaju sendiri mendirikan Balai Bomba seperti yang telah pun dilakukan di Taman Tun Dr. Ismail dan juga di Bangi, Selangor. Kalau ini dilakukan serentak dengan pembinaan rumah-rumah kediaman - iaitu pada masa pembinaan rumah didirikan juga Balai Bomba - jadi sekiranya ada berlaku kemalangan-kemalangan, tidaklah mereka ini terpaksa mengharap Bomba-bomba daripada kawasan lain datang untuk membantu sebarang kebakaran ataupun sebarang malapetaka.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kelima yang ingin saya timbulkan ialah, saya dapati apabila pihak Kerajaan ataupun

pihak kontraktor menjalankan projek-projek pembangunan. Umpamanya sekarang ini saya difahamkan apabila projek-projek jalan di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur seperti projek jalan di Salak South dan Jalan Sungai Besi dijalankan, pili-pili bomba yang terdapat di situ telah pun ditutup dan hanya akan dibuat semula apabila siapnya usaha-usaha ataupun projek untuk membesarkan jalan ini.

Jadi, apakah akan berlaku kalaulah semasa menunggu siapnya projek-projek ini dan dengan berlakunya penutupan pili bomba ini, kalau berlaku kebakaran-kebakaran ataupun malapetaka, di manakah Jabatan Bomba hendak mendapatkan ataupun mendapatkan pili-pili bomba untuk membantu mangsa-mangsa kebakaran.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang keenam yang ingin saya timbulkan, iaitu perkara terakhir, ialah mengenai bangunan-bangunan tinggi dan juga hotel-hotel. Sekarang ini di bandar-bandar, khasnya di Kuala Lumpur, kita dapati kebanyakan bangunan-bangunan tinggi dan hotel-hotel telah pun dibina dan saya mencadangkan supaya bangunan-bangunan tinggi ini dan hotel-hotel ini disambungkan secara 'hotline' ke Ibu Pejabat Bomba di dalam sesuatu daerah itu, supaya sepertimana yang berlaku di negara-negara maju apabila berlaku sesuatu kebakaran di sesuatu bangunan, pihak Bomba yang datang mereka akan tahu sebelum sampai di situ pun di tingkat berapa kebakaran itu berlaku dan bolehlah mereka membuat persiapan-persiapan awal untuk membantu mangsa-mangsa kebakaran.

Kita harapkan pihak Kerajaan menjadikan syarat supaya setiap bangunan tinggi, setiap pemilik hotel disambungkan secara 'hotline' kepada

Ibu Pejabat Bomba untuk membantu sebarang ataupun sebarang mala petaka.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya sekali lagi menyokong Akta Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 1993.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Baiklah. Yang Berhormat Tuan Hassan.

6.33 *ptg.*

Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali: Bismillahir-rahmanir-rahim.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas keizinan membenarkan saya bercakap dalam membincangkan Rang Undang-undang yang telah dibentangkan ini. Terlebih dahulu, walaupun telah diberi ucapan dan penghargaan kepada anggota Bomba yang telah menunjukkan semangat dan daya juangnya di dalam masalah mengendalikan kes tumbangnya kondominium di Hulu Klang. Daya juangnya amat kuat, hasratnya untuk menyelamatkan mangsa amat tinggi, akan tetapi peralatan tidak secanggih seperti yang diperlukan.

Walau bagaimanapun, penghargaan yang tinggi dan rakaman terima kasih perlu kita beri kepada anggota Bomba yang telah bertungkus-lumus. Ini telah menampakkan kepada seluruh rakyat di negara kita ini bahawa anggota Bomba adalah merupakan satu pasukan yang memainkan peranan yang bergitu besar di dalam penghidupan kita pada masa ini. Contohnya bangunan tumbang - Bomba pergi. Kemalangan di jalan raya - Bomba yang pergi. Bangunan terbakar - Bomba yang pergi. Ular masuk ke rumah - Bomba yang pergi, dan jangan orang masuk rumah - Bomba juga yang pergi.

Ini satu penghargaan yang tinggi, ini tidak dapat kita nafikan. Tetapi mereka perlu diberi kelengkapan dan perlu dilatih. Saya amat dukacita mengenai satu peristiwa yang berlaku semasa kebakaran sebuah kedai di Chow Kit Road, Kuala Lumpur. Apabila 'skylift' angkat tangganya ke atas, operatornya hendak mengangkat anggota yang duduk di atas tangga itu tidak dapat mengangkatnya, dia teragak-agak, sudahlah teragak-agak, memakan masa. Apabila sampai ke atas, hendak pancutkan air, memakan masa yang panjang, air setitik sahaja - orang ramai bersorak. Selepas disorak barulah air keluar - ini amat memalukan. Bererti kekurangan latihan-kurang cekap.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Air daripada inana itu?

Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali: Air daripada paip, bukan air yang lain. Dan satu lagi, terdapat ahli-ahli masyarakat dengan rela hati untuk menolong - tukang pikul paip, pikul generator. Apabila Polis sampai, Polis halau dia - hamba Allah telah memberi khidmat hampir satu jam, jatuh dalam longkang pun ada - bangun balik, pikul balik paip itu - datang Polis halau dia.

Saya rasa perlu diberi sedikit kuasa kepada Pegawai Bomba, yang mana datang hendak menolong, sebab Polis itu kenal, Polis itu halaulah. Dan kadangkala halangan ini berlaku, kalau hamba Allah jatuh ke longkang, bangun balik pertolongan - dihalau juga. Ini satu perkara walaupun kecil mesti ada yang mengambil kira.

Kita mesti menghargai kesucian dan kemumian rakyat di negara kita ini untuk membantu orang yang menghadapi permasalahan. Perlu juga diambil kira

balai-balai Bomba yang ada sekarang ini terdapat Balai-balai Bomba yang dibina sebelum merdeka. Letaknya di kawasan sesak, di tengah pusat bandar; terima panggilan, ada kes, kereta Bomba telah keluar, tetapi tidak dapat sampai kerana lalunya itu terlalu sesak kerana traffic jam - inilah masalah yang dihadapi. Ini perlu difikirkan. Majlis-majlis Perbandaran, Majlis-majlis Daerah dan Kerajaan-kerajaan Negeri perlu memikirkan perkara ini kerana kita berfikir hari ini bukan untuk esok, tetapi untuk seribu tahun lagi, kalau boleh. Ini perlu diambil kira. Ada alat canggih, anggota ramai, tetapi Balai Bomba terletak sesak, tidak dapat hendak berbuat apa, akhirnya Bomba sampai bangunan sudah jadi hangus.

Apabila masalah ini timbul, pelbagai jawapan akan kita jawab.

Saya rasa satu lagi, sebelum kita tubuh unit itu, unit ini untuk mengendalikan kejadian-kejadian ini, perlu di setiap Balai Bomba diadakan sekurang-kurangnya Pembantu Perubatan dan Jururawat. Apabila ada kes kejadian itu bawa bersama untuk membantu buat seketika dalam kes-kes yang tertentu, sebelum sampai bantuan lain untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Oleh itu, saya harapkan perkara ini perlu diambil kira dan dipandang berat, janganlah pada petang ini kita berbincang sehingga disambung masa dan waktunya, akan tetapi perlaksanaannya tidak setakat mana. Sekian.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Datuk Haji Mohamed Nazri.

6.30 *ptg.*

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih, Tuan Yang

di-Pertua. Pendek sahaja. Saya menyokong Rang Undang-undang ini, cuma sedikit pandangan dalam dua perkara. Muka surat 2, Fasal 5 - Seksyen 35(1)(a).

Saya menyokong diberikan satu kuasa kepada pihak Bomba untuk Ketua Pengarah menghentikan mengambil tindakan terhadap mana-mana kegiatan yang berterusan, mana-mana premis yang boleh menimbulkan kebakaran. Saya menyokong kuasa tambahan yang diberi ini dan kalau boleh saya rasa kita juga harus memberi kuasa kepada mereka bukan sahaja boleh mengambil tindakan terhadap apa-apa kegiatan yang berterusan dalam mana-mana premis, malah mengambil tindakan terhadap apa-apa, dengan izin, installation, ataupun pemasangan yang kelihatan ada di premis-premis itu yang mungkin mengikut pandangan Bomba menimbulkan masalah kebakaran. Tidak perlu kita tunggu perintah Mahkamah baru hendak masuk, tetapi daripada luar kita sudah nampak kalau ada installation, dengan izin, yang membahayakan, maka hendaklah juga diberikan kuasa kepada Ketua Pengarah untuk mengambil tindakan dalam perkara ini.

Yang keduanya, Fasal 6, muka surat 3, dalam seksyen 48B(2), berkenaan dengan kesalahan kutipan tanpa kelulusan, dikatakan "Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan satu kesalahan". Kesalahan ini tidak ada hukuman. Jadi apakah hukumannya? Saya ingin tahu sama ada denda atau sebagainya berkenaan dengan hukuman ini.

Itulah sahaja, saya menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Baiklah, kalau tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin berbahas dalam Rang Undang-undang

ini, maka saya menjemput Menteri untuk menjawab.

6.41 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Osu bin Haji Sukam]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah bangun mengambil bahagian di dalam Akta Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 1993 pada kali ini. Ahli-Ahli Yang Berhormat Senator Hajah Zaleha Hussin, Yang Berhormat Senator Saidin Mohamad, Yang Berhormat Senator Rahim Baba, Yang Berhormat Senator Haji Salleh dan Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri telah rata-rata mengemukakan pandangan tentang perkhidmatan yang telah dilaksanakan oleh ahli-ahli pasukan Bomba di negara kita ini. Ada pandangan-pandangan yang memberi peransang kepada kita. Ada juga teguran-teguran yang membina yang akan diambil kira untuk meningkatkan lagi perkhidmatan Bomba bagi melaksanakan tanggungjawab untuk menentukan bahawa apa juga perkara-perkara yang harus dilaksanakan oleh Jabatan ini akan dapat dilaksanakan dengan jayanya, dengan adanya kerjasama daripada seluruh masyarakat di negara kita.

Yang Berhormat Senator Tuan Saidin Mohamad ada menyebut tentang perkara 35B(2) di mana Yang Berhormat mengatakan supaya peraturan atau pengambilan alih bangunan tidaklah begitu strict, dengan izin. Tuan punya premis hendaklah diberi peluang untuk memperbetulkan keadaan. Sebenarnya pindaan ini adalah untuk membolehkan Ketua Pengarah atau mereka yang telah diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk mengambil tindakan segera menghentikan aktiviti-aktiviti di sesuatu premis yang tidak begitu puas hati tentang tindakan yang telah diambil, maka beliau

bolehlah mengemukakan rayuan kepada pihak mahkamah supaya notis yang telah dikeluarkan di dalam Borang "G" tadi dibatalkan atau sebaliknya.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mohamed Nazri juga telah membuat teguran pindaan perkara 48B(2), Di dalam peruntukan pindaan ini tidak disebutkan hukuman. Tetapi di bawah peruntukan undang-undang asal, di bawah seksyen 58, hukuman akan dikenakan kepada mereka yang didapati bersalah dengan mengenakan denda RM5,000, atau hukuman penjara tidak melebihi 3 tahun.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian seperti yang saya sebutkan tadi kebanyakannya menyentuh tentang tanggungjawab Jabatan Bomba dan bagaimana boleh mempertingkatkan lagi kecekapan perkhidmatan Jabatan Bomba ini. Sukalah saya nyatakan bahawa segala teguran dan segala pandangan yang telah disuarakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat itu telah dicatit oleh pegawai-pegawai daripada Kementerian dan juga Jabatan Perkhidmatan Bomba yang hadir pada petang ini. Mengenai pandangan-pandangan itu, oleh kerana ianya tidak ada hubungkaitnya dengan pindaan khusus yang telah saya bentangkan sebentar tadi, serta semua general comments yang telah disuarakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat itu, saya ingat tidak payah untuk saya memberi jawapan satu persatu. Saya akan sampaikan perkara ini untuk diambil tindakan oleh Jabatan Bomba dan juga Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Segala pandangan-pandangan yang telah dikemukakan itu sangat dialukan kerana semua pandangan itu bertujuan untuk mempertingkatkan lagi perkhidmatan yang boleh dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Bomba. Juga bagi meng-

hadapi masa depan dan sebagai sebuah negara yang sedang pesat membangun dalam semua lapangan, maka perlulah Jabatan Bomba mengambil kira segala pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, khususnya pandangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Rahim Baba tadL

Jadi, saya dengan itu tidaklah bertujuan untuk memberi jawapan satu persatu, tetapi saya sekali lagi ucapkan ribuan terima kasih, dan segala pandangan Ahli-Ahli Yang Berhormat itu akan diambil tindakan oleh Jabatan Perkhidmatan Bomba. Sekian.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujukan.

Rang Undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Haji Jamaluddin bin Ahmad *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Ahli-Ahli Yang Berhormat dengan ini Dewan ditangguhkan hingga hari Isnin, 20hb. Disember, 1993, jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.55 petang.